A

Pendakwa Raya lwn Nur Hidayah bt Abdullah

B MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO JB-45B-4–09 TAHUN 2018
AWANG ARMADAJAYA PK
10 APRIL 2022

C *Undang-Undang Jenayah — Kesalahan-kesalahan — Bunuh — Tertuduh mengakui tertikam si mati secara tidak sengaja — Pengakuan terhadap fakta oleh tertuduh — Sama ada pengakuan terhadap fakta mengikat tertuduh — Sama ada si mati meninggal dunia akibat tikaman di dada — Sama ada tertuduh yang menyebabkan kecederaan yang membawa kepada kematian — Sama ada*
D *tertuduh berniat untuk membunuh si mati atau mencederakan si mati yang membawa kepada kematian — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada tertuduh hilang kewarasan ketika kejadian — Sama ada perbuatan tertuduh adalah suatu kemalangan — Sama ada rayuan peringanan hukuman adalah satu hak dan sama ada hak ini perlu dikuatkuasakan dalam kes yang membawa*
E *hukuman mati mandatori — Akta Kanak-Kanak 2001 s 97 — Kanun Keseksaan ss 84, 300 & 302 — Kanun Tatacara Jenayah s 172B(2)(i)*

Tertuduh telah didakwa di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') atas kesalahan membunuh suaminya ('si mati') dengan menikam di bahagian dada
F si mati. Antara fakta penting dalam kes ini adalah bahawa sebelum kejadian tersebut, tertuduh dan si mati baru sahaja kehilangan anak mereka yang lahir tidak cukup bulan dan sejurus selepas itu, si mati jarang pulang ke rumah dan kerap berada di rumah majikannya ('SP6'). Semasa hari kejadian, tertuduh telah pergi ke rumah SP6 untuk mencari si mati dengan membawa sebilah
G pisau. Sejurus tertuduh tiba di rumah SP6, SP6 telah masuk ke dalam bilik untuk mendapatkan sesuatu bagi mempertahankan diri tetapi apabila SP6 keluar semula daripada bilik tersebut, SP6 mendapati bahawa si mati telah ditikam dan tertuduh pula menghunuskan pisau ke arah SP6. Tertuduh kemudiannya telah membuang pisau tersebut di luar rumah tersebut dan
H masuk semula ke dalam rumah untuk membantu si mati. Di dalam pernyataan beramaran tertuduh ('eksh D32'), tertuduh telah mengakui tertikam si mati secara tak sengaja. Tertuduh juga telah membawa pihak polis ke tempat di mana pisau tersebut dibuang. Secara amnya, tertuduh membangkitkan pembelaan kemalangan atau kesilapan. Tertuduh menyatakan bahawa dia
I hanya ingin memberi amaran kepada SP6 supaya tidak menghasut si mati untuk tidak pulang ke rumah dan dia telah mengejar SP6 dengan pisau terhunus tetapi si mati telah secara tiba-tiba menghalangnya menyebabkan tertuduh tertikam dada si mati. Isu-isu yang perlu diputuskan dalam pembelaan adalah: (a) sama ada tertuduh mengalami tekanan jiwa kerana

pelakuan si mati sehingga hilang kewarasan dan melakukan perbuatan menikam si mati; (b) sama ada perbuatan tertuduh adalah satu kemalangan; (c) sama ada terdapat niat untuk melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan yang kelazimannya membawa kepada kematian; dan (d) sama ada niat sebenar adalah untuk melakukan perbuatan untuk menyebabkan kecederaan yang kelazimannya boleh mengakibatkan kematian kepada SP6 tetapi terkena kepada si mati kerana si mati menghalang perlakuan tertuduh. Berkenaan dengan hukuman, isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada rayuan peringanan adalah satu hak dan adakah hak ini perlu dikuatkuasakan dalam kes yang membawa hukuman mati mandatori.

Diputuskan:

(1) Secara prinsipnya apa-apa pengakuan terhadap fakta oleh tertuduh sendiri (bukan oleh peguambela) adalah mengikat ke atas tertuduh sehingga ke peringkat rayuan. Tertuduh tidak boleh melarikan diri atau memohon agar pengakuan tersebut tidak dipakai ke atasnya pada bila-bila masa jika sudah dipersetujui. Dalam kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa: (a) tertuduh memahami fakta dan ekshibit yang dipersetujui dan mengakui kesemuanya di bawah s 172B(2)(i) Kanun Tatacara Jenayah; (b) pengakuan tersebut adalah secara sukarela; dan (c) tertuduh memahami kesan dan akibat pengakuan tersebut iaitu fakta tersebut tidak perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan mahkamah boleh bertindak diatasnya dan ia mengikat tertuduh sehingga ke peringkat yang paling tinggi (lihat perenggan 3, 9 & 12).

(2) Dalam kes ini, terdapat keterangan prima facie bahawa si mati telah meninggal dunia akibat daripada tikaman di dada. Selain itu, pihak pembelaan juga tidak boleh 'approbate and reprobate' atau 'blowing hot and cold at the same time' dengan menyatakan bahawa tertuduh tidak melakukan perbuatan menyebabkan kecederaan yang mengakibatkan kematian si mati tetapi jika pun tertuduh melakukan pelakuan tersebut ia adalah tanpa niat. Apabila pihak pembelaan memilih untuk mengambil pendirian mengemukakan D32 (pernyataan beramaran tertuduh) maka ia adalah mengambil pendirian pelakuan (actus reus) dilakukan oleh tertuduh tetapi tanpa mens rea. Berdasarkan dapatan ini, mahkamah berpuas hati bahawa terdapat keterangan prima facie bahawa tertuduh menyebabkan kecederaan yang membawa kepada kematian kepada si mati (lihat perenggan 19, 28–29, 35 & 37-38).

(3) Dalam eksh D32, jelas tertuduh mencari si mati dan bukan SP6. Walau bagaimanapun SP6 juga diugut oleh tertuduh untuk dibunuh. Walaupun membawa pisau tidaklah secara automatik membawa inferens niat ingin membunuh, namun jika dilihat dari pelakuan lain seperti mencari si mati ditempat kerja, ugutan kepada SP6, sejarah lama di

antara si mati dan tertuduh, inferens yang dinukil dengan mengambil kira isu tersebut dan semua yang lain, ialah tertuduh sememangnya berniat ingin membunuh si mati atau sekurang-kurangnya mencederakan si mati yang membawa kepada kematian. Oleh itu, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie dalam elemen ini (lihat perenggan 47 & 62–64).

(4) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas serta fakta yang diakui berkenaan dengan tarikh, masa dan tempat kejadian dan setelah membuat penilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan serta pemeriksaan balas yang dikemukakan oleh pihak pembelaan, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh dan oleh yang demikian mahkamah telah memerintahkan tertuduh untuk memasukkan pembelaan (lihat perenggan 65–66).

(5) Tidak semua bentuk hilang akal boleh mengecualikan seseorang dari liabiliti jenayah. Pengecualian sedemikian hanya diberi kepada hilang akal di bawah s 84 KK. Bentuk hilang akal yang diperkatakan di bawah s 84 KK adalah hilang akal yang melumpuhkan terus fakulti kesedaran seseorang. Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa: (a) tertuduh berfikiran waras dan mampu mengetahui serta ingat peristiwa yang berlaku; (b) tertuduh menyesal dengan perbuatannya; dan (c) tertuduh mampu memberi pembelaan yang serius dan ia mewajarkan pertimbangan yang sepatutnya. Oleh yang demikian, mahkamah dapati tertuduh tidak hilang kewarasan semasa kejadian dan mahkamah seterusnya mengenepikan pembelaan ini sebagai sesuatu yang tidak berkemungkinan (lihat perenggan 84–86).

(6) Mahkamah mendapati bahawa sasaran tertuduh adalah si mati dan bukan SP6 malahan tiada kejadian mengejar SP6 sebaliknya tertuduh telah mengejar si mati. Ini adalah kerana tusukan pisau ke atas si mati adalah bersudut 15 darjah dan daya yang digunakan adalah kuat sepertimana keterangan pakar forensik pathologi. Berkenaan dengan doktrin perpindahan niat buruk, memandangkan mahkamah telah memutuskan bahawa tertuduh tidak berjaya menimbulkan keraguan atas mens rea seperti yang ditakrifkan dalam s 300 KK, isu doktrin perpindahan niat buruk ini tidak terpakai. Secara kesimpulannya mahkamah memutuskan bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan tertuduh bersalah diatas pertuduhan yang dikemukakan dan disabitkan dibawah s 302 KK (lihat perenggan 90–91 & 102–103).

(7) Rayuan peringanan adalah hak seseorang sekalipun untuk kes yang membawa hukuman mandatori. Mahkamah hendaklah memberi hak ini dan merekodkan rayuannya supaya ia menjadi sebahagian rekod mahkamah jika kes ini dipanggil untuk dipertimbangkan oleh Lembaga

Pengampunan yang dipengerusikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (untuk Wilayah Persekutuan), DYMM Sultan (untuk negeri-negeri yang mempunyai Sultan) dan TYT Yang di-Pertuan Negeri (untuk negeri-negeri yang tiada Sultan). Dalam Lembaga Pengampunan, semua perkara boleh dipertimbangkan dan Lembaga tersebut tidak terikat dengan keterangan atau undang-undang lain. Ia mempunyai kuasa mutlak di bawah perkara 42 Perlembagaan Persekutuan dalam penentuan nasib seseorang banduan yang sudah dijatuhkan hukuman (lihat perenggan 109–110).

(8) Semasa kejadian tertuduh berusia 17 tahun 11 bulan dan sepuluh hari dan oleh yang demikian, tertuduh adalah seorang kanak-kanak dibawah Akta Kanak-kanak 2001 dan s 97(1) Akta tersebut tidak membenarkan hukuman mati dijatuhkan ke atas kanak-kanak. Oleh itu, mahkamah memerintahkan agar tertuduh ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh DYMM Sultan Johor dan segala peruntukan s 97 Akta Kanak-Kanak 2001 adalah terpakai untuk tertuduh (lihat perenggan 116 & 118).

[English summary

The accused was charged under s 302 of the Penal Code ('the PC') for murdering her husband ('the deceased') by stabbing the deceased in the chest. Among the important facts in this case were that before the incident, the accused and the deceased had just lost their child who was born prematurely and immediately after that, the deceased rarely returned home and was often at his employer's house ('SP6'). During the day of the incident, the accused had gone to SP6's house to look for the deceased with a knife. As soon as the accused arrived at SP6's house, SP6 went into the room to get something to defend himself but when SP6 came out of the room again, SP6 found that the deceased had been stabbed and the accused pointed a knife at SP6. The accused then threw the knife outside the house and went back into the house to help the deceased. In the accused's cautioned statement ('exh D32'), the accused admitted stabbing the deceased by accident. The accused also took the police to the place where the knife was thrown. Generally, the accused raised the defense of accident or mistake. The accused stated that she only wanted to warn SP6 not to incite the deceased not to return home and that he had chased SP6 with a knife, but the deceased had suddenly stopped her causing the accused to accidently stab the deceased in the chest. The issues to be decided in the defense were: (a) whether the accused suffered unsoundness of mind due to the actions of the deceased which caused her to lost her sanity and committed the act of stabbing the deceased; (b) whether the act of the accused was an accident; (c) whether there was an intention to commit an act which may cause injury which usually led to death; and (d) whether the real intention was to commit an act to cause injury which would ordinarily result in death to SP6 but affected the deceased because the deceased prevented the accused from doing so. With

regard to sentencing, the issue for the court to decide was whether an appeal for leniency was a right and whether such right should be enforced in cases carrying mandatory death penalty.

Held:

(1) In principle any admission of the facts by the accused himself (not by the defense counsel) was binding on the accused until the appeal stage. The accused could not run away or request that the admission not be used against him at any time if it had been agreed. In this case, the court was satisfied that: (a) the accused understood the agreed facts and exhibits and admitted them all under s 172B(2)(i) of the Criminal Procedure Code; (b) the admission was voluntary; and (c) the accused understood the effects and consequences of the admission which were that the fact did not need to be proven by the prosecution and the court could act on it and it bound the accused to the highest level (see paras 3, 9 & 12).

(2) In this case, there was prima facie evidence that the deceased died as a result of a stab wound to the chest. In addition, the defense could not 'approbate and reprobate' or 'blowing hot and cold at the same time' by stating that the accused did not commit the act of causing injury that resulted in the death of the deceased but even if the accused did the act, it was without intention. When the defense chose to take the position of presenting D32 (accused's cautioned statement) then it was taking the position that the act (actus reus) was committed by the accused but without mens rea. Based on this finding, the court was satisfied that there was prima facie evidence that the accused had caused injuries leading to the death of the deceased (see paras 19, 28–29, 35 & 37–38).

(3) In exh D32, it was clear that the accused was looking for the deceased and not SP6. However, SP6 was also threatened by the accused to be killed. Although carrying a knife did not automatically bring an inference of intent to kill, but if seen from other acts such as looking for the deceased at work, threatening SP6, long history between the deceased and the accused, the inferences that could be made by taking into account the issues and everything else, was that the accused really intended to kill the deceased or to at least cause injuries leading to the death of the deceased. Therefore, the court found that the prosecution succeeded in proving a prima facie case for this element (see paras 47 & 62–64).

(4) Based on the findings above and the admitted facts regarding the date, time, and place of the incident and after making a maximum evaluation of the evidence presented by the prosecution and the cross-examination presented by the defense, the court found that the prosecution had successfully proved the prima facie case against the accused and therefore the court had ordered the accused to enter her defense (see paras 65–66).

(5) Not all forms of unsoundness of mind could exempt a person from criminal liability. Such exemption was only given to the unsoundness of mind under s 84 of the PC. The form of unsoundness of mind referred to under s 84 of the PC was unsoundness of mind that directly paralyzed a person's faculty of consciousness. In this case, the court found that: (a) the accused was sane and able to know and remember the events that happened; (b) the accused regretted her actions; and (c) the accused was capable of giving a serious defense and it warranted due consideration. As such, the court found that the accused was not in the state of unsound mind during the incident and the court further dismissed this defense as improbable (see paras 84–86).

(6) The court found that the target of the accused was the deceased and not SP6, in fact there was no incident of chasing SP6, rather the accused had chased the deceased. This was because the stabbing of the knife on the deceased was at an angle of 15 degrees and the force used was strong as evidenced by the forensic pathologist. With regard to the doctrine of transferred malice, since the court had ruled that the accused had not successfully raised a doubt on mens rea as defined in s 300 of the PC, this issue of the doctrine of transferred malice did not apply. In conclusion, the court decided that the defense had failed to raise reasonable doubts against the prosecution's case and the accused was guilty of the charge and convicted under s 302 of the PC (see paras 90–91 & 102–103).

(7) An appeal for leniency is a person's right even for cases that carry a mandatory sentence. The court must grant this right and record the appeal so that it becomes part of the court record if the case is called to be considered by the Pardons Board which was to be presided over by DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (for the Federal Territories), DYMM Sultan (for states that have a Sultan), and TYT Yang di-Pertuan Negeri (for states without a Sultan). In the Pardons Board, all matters can be considered, and the Board is not bound by evidence or other laws. It has absolute authority under art 42 of the Federal Constitution in determining the fate of a prisoner who has been sentenced (see paras 109–110).

(8) At the time of the incident the accused was 17 years 11 months and ten days old and therefore, the accused was a child under the Child Act 2001 and s 97(1) of the Act did not allow the death penalty to be imposed on children. Therefore, the court ordered that the accused be detained in prison for as long as allowed by DYMM Sultan Johor and all provisions of s 97 of the Child Act 2001 were applicable to the accused (see paras 116 & 118).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Samid bin Edward v PP [2015] 4 MLJ 58, MR (dirujuk)
Anne Lim Keng See v The New Staits Times Press (M) Bhd & Anor [2008] 3 MLJ 492; [2008] 6 CLJ 697, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Bato Bagi & Ors v Kerajaan Negeri Sarawak and another appeal [2011] 6 MLJ 297; [2011] 8 CLJ 766, MP (dirujuk)
Bunyan v Jordan (1937) 57 CLR 1, MT (dirujuk)
Carnes v Thompson 48 SW2d 903 (dirujuk)
Cheah Theam Kheng v City Centre Sdn Bhd (in liquidation) and other appeals [2012] 1 MLJ 761; [2012] 2 CLJ 16, MR (dirujuk)
Chiow Thiam Guan v Superintendent of Pudu Prison & The Government of Malaysia and Connected appeals [1983] 2 MLJ 116; [1983] 1 CLJ 278; [1983] CLJ Rep 92, MP (dirujuk)
Development & Commercial Bank Bhd v Aspatra Corp Sdn Bhd & Anor and another appeal [1995] 3 MLJ 472; [1996] 1 CLJ 141, MA (dirujuk)
Express Newspapers plc v News (UK) Ltd and others [1990] 3 All ER 376, Ch D (dirujuk)
John a/k Nyumbei v PP [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509, MR (dirujuk)
Juraimi bin Husin v Lembaga Pengampunan, Negeri Pahang & Ors [2001] 3 MLJ 458; [2001] 6 CLJ 516, MT (diikut)
Kelana Megah Development Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Johor and another appeal [2016] MLJU 1649; [2016] 8 CLJ 804, MR (dirujuk)
Letitia Bosman v PP and other appeals (No 1) [2020] 5 MLJ 277; [2020] 8 CLJ 147, MP (dirujuk)
Mohd Khairul Azam bin Abdul Aziz v Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan & Anor [2020] MLJU 1691; [2021] 1 CLJ 94, MT (dibeza)
Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v PP and another appeal [2014] 4 MLJ 875; [2014] 7 CLJ 897; [2014] MLRAU 284, MR (dirujuk)
PP v Adetunji Adeleye Sule [1993] 2 MLJ 70; [1993] 4 CLJ 173; [1993] 1 AMR 24, MA (dirujuk)
PP v Chan Kim Choi [1989] 1 MLJ 404; [1988] 1 LNS 221, MT (dirujuk)
PP v Arrunan a/l Arumugam [2018] MLJU 1057, MT (dirujuk)
PP v Saizal Abidin bin Mading [1997] MLJU 379; [1998] 3 CLJ 41, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, MP (diikut)
Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 MLJ 385; [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ Rep 293, MA (dirujuk)
Superintendent of Pudu Prison & Ors v Sim Kie Chon [1986] 1 MLJ 494; [1986] 1 CLJ 548; [1986] CLJ Rep 256, MA (dirujuk)
Tan Buck Tee v PP [1961] 1 MLJ 176; [1961] 1 LNS 130, MR (dirujuk)
Taufik Goh bin Abdullah v PP [2021] MLJU 2709; [2022] 2 CLJ 967, MT (dirujuk)

Tenaga Nasional Bhd v Irham Niaga Sdn Bhd & Anor [2011] 1 MLJ 752; [2011] 1 CLJ 491, MR (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174, MP (dirujuk)
Verschures Creameries, Limited v Hull and Netherlands Steamship Company, Limited [1921] 2 KB 608, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kanak-Kanak 2001 s 97, 97(1)
Akta Keterangan 1950 s 73AA
Kanun Keseksaan ss 84, 86, 300, 300(c), (d), 301, 302
Kanun Tatacara Jenayah s 172A(4), (5), 172B(2)(i), 180(4)
Perlembagaan Persekutuan perkara 4(1), 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 42

Yoong How Kiat (HK Yoong & Co) bagi pihak pembelaan.
Mustaqim bin Sukarno (Muhammad Azfar bin Mahmod bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Awang Armadajaya PK:

MUKADIMAH

[1] Tertuduh telah dituduh diatas kehendak pendakwa raya dan pertuduhan terhadapnya adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada tarikh 14/10/2017 jam lebih kurang 1.30 petang bertempat di rumah beralamat No. 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sungai Abong, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah melakukan bunuh ke atas Mohd Firdaus Bin Md Salehuddin (No. KP: 890110-01-5033). Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil tujuh saksi untuk memberi keterangan dan mereka adalah:

(a) SP1 — Wan Nur Zawani bt Wan Mohd Samsudin;
(b) SP2 — Korporal Muhammad Abdul Rashid bin Hassan;
(c) SP3 — Dr Haryanti Sara Azmeen bt Mohd Razali;
(d) SP4 — Mohamad Shafiq bin Kamir;
(e) SP5 — Korporal Mohamad Haslam bin Alias;
(f) SP6 — Mahfud bin A Rajak; dan
(g) SP7 — ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail.

FAKTA YANG DIPERSETUJUI

[3] Pihak pembelaan dan pendakwaan telah bersetuju dengan fakta serta ekshibit berikut dan persetujuan ini dibuat dibawah s 172B(2)(i) Kanun Tatacara Jenayah:

(a) si mati ialah Mohd Firdaus bin Md Sallehudin (No KP 890110–01–5033);

(b) tertuduh merupakan isteri si mati;

(c) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, si mati berada di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar, Johor;

(d) rumah tersebut ialah rumah majikan si mati yang bernama Mahfud bin A Rajak (No KP 700516–01–6715) dan semasa kejadian, penama Mahfud bin A Rajak juga berada di dalam rumah tersebut;

(e) tertuduh telah datang ke rumah tersebut dengan membawa pisau;

(f) si mati telah mengalami luka tusukan pisau di bahagian dada;

(g) Mahfud bin A Rajak telah menelefon polis untuk melaporkan kejadian dan meminta bantuan;

(h) laporan maklumat pertama kes telah dibuat oleh L/KPL 147841 Mohd Fairuz bin Mohd Hassim;

(i) tertuduh telah ditangkap di tempat kejadian pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 2 petang oleh ASP G/18862 Junaidi bin Juan;

(j) Pegawai Cawangan Forensik, ASP Amir bin Kaskon telah sampai ke tempat kejadian pada jam 3.20 petang dan telah mengutip sampel:

(i) tikar getah tempat mayat terbaring;

(ii) sehelai baju *T-shirt* warna pink logo No 50;

(iii) sehelai seluar jeans biru jenama Lois saiz 31;

(iv) sehelai tuala warna putih bertulis Kurnia;

(v) swab darah atas tikar getah;

(vi) swab darah atas tikar getah;

(vii) satu pisau panjang 21cm termasuk hulu berwarna hitam; dan

(viii) swab pada hulu pisau,

dan seterusnya menyerahkan kesemua sampel kepada ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail;

(k) gambar tempat kejadian sebanyak 26 keping telah diambil oleh jurugambar polis, L/KPL 172066 Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor pada 14 Oktober 2017;

(l) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 3.45 petang di Pejabat Task Force JSJ IPD Muar, ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail telah membuat rampasan ke atas pakaian yang dipakai tertuduh iaitu sehelai seluar jeans jenama Levi's berwarna biru, sehelai baju blaus jenama Feifanai corak belang menegak warna merah/putih, sehelai tudung bercorak abstrak berwarna ungu/coklat cair dan sepasang kasut warna merah saiz 43;

(m) jurugambar polis L/Kpl Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor juga telah mengambil dua keping gambar pakaian tertuduh yang dirampas tersebut iaitu sehelai blaus, sehelai seluar jeans, sehelai tudung dan sepasang kasut;

(n) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 8.50 malam di Pejabat Task Force JSJ IPD Muar, tertuduh telah menyerahkan kepada ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail sebuah beg silang jenama Santa Barbara;

(o) bedah siasat ke atas si mati telah dijalankan oleh Dr Haryanti Sara Azmeen bt Mohd Razali pada 15 Oktober 2017;

(p) pengecaman mayat si mati telah dibuat oleh ayah si mati, Md Salehuddin bin A Aziz dan ibu si mati, Rohani bt Sarif;

(q) sebanyak 63 keping gambar post mortem telah diambil oleh jurugambar polis, L/KPL Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor.

(r) punca kematian si mati ialah luka akibat tikaman/tusukan di dada ('stabbed wound to the chest');

(s) Dr Haryanti Sara Azmeen bt Mohd Razali telah menyerahkan spesimen darah, urin, isi perut, cecair hempedu, cecair mata, sampel darah di atas kad FTA, kuku jari tangan kanan, kuku jari tangan kiri dan sampel rambut si mati kepada pegawai penyiasat kes, ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail;

(t) pada 15 Oktober 2017, Tertuduh telah dibawa ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan telah memberikan sampel darah bagi tujuan analisa kimia;

(u) ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail telah menghantar sampel-sampel untuk analisa Jabatan Kimia Malaysia pada 17 Oktober 2017 pada jam 11.40 pagi kepada pegawai sains Puan Wan Nur Zawani bt Wan Mohd Samsudin. Sampel-sampel yang dihantar ialah:

(i) kad FTA yang mengandungi calitan darah;

(ii) dua bekas plastik yang mengandungi kuku si mati;

(iii) bekas plastik mengandungi spesimen rambut si mati;

(iv) satu plastik mengandungi dua bungkusan kertas yang mengandungi dua kain sarung;

(v) sehelai tuala;

(vi) sepasang seluar jeans;

(vii) sehelai *T-shirt*;

(viii) tikar getah;

(ix) sebatang putik kapas berpenutup;

(x) sebatang putik kapas berpenutup;

(xi) sebatang putik kapas berpenutup;

(xii) satu sampul berisi sebilah pisau,

(xiii) sebilah pisau;

(xiv) satu tiub darah berlabel Nur Hidayah bt Abdullah;

(xv) satu bekas plastik mengandungi keratan kuku berlabel Nur Hidayah bt Abdullah;

(xvi) satu bekas plastik mengandungi keratan kuku berlabel Nur Hidayah bt Abdullah;

(xvii) sehelai blaus;

(xviii)sehelai tudung;

(xix) sehelai seluar jeans;

(xx) sebuah beg silang; dan

(xxi) sepasang kasut.

(v) nombor makmal yang diberikan ialah 17-FR-J-05897;

(w) setelah selesai dianalisa, barang kes berserta laporan kimia bernombor makmal 17-FR-J-05897 ini telah diserahkan semula oleh Puan Wan Nur Zawani bt Wan Mohd Samsudin kepada Insp Nurul Nadia Hasan pada 19 Disember 2017;

(x) Insp Nurul Nadia Hasan telah mengambil barang kes dan telah menyerahkannya kepada ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 5.30 petang di Pejabat Pegawai Penyiasat di IPD Muar;

(y) ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail telah menyerahkan barang kes tersebut kepada Sjn Nordin bin Mohd Dahan untuk didaftarkan di stor barang kes IPD Muar pada 31 Disember 2017; dan

(z) barang kes tersebut diberikan nombor ekshibit 299/2017 dan disimpan di dalam kotak plastik yang dibekalkan oleh Polis DiRaja Malaysia supaya tidak bercampur dengan barang kes yang lain.

[4] Pihak-pihak juga telah mengadakan persetujuan bertulis berkenaan dengan dokumen-dokumen yang dipersetujui yang telah dikemukakan sebagai P9. Dokumen-dokumen yang dipersetujui adalah seperti berikut:

Bil	Dokumen	Deskripsi	Tandaan
1.	Laporan Muar/012884/17	Laporan maklumat pertama yang dibuat oleh L/KPL Mohd Fairuz bin Mohd Hassim pada 14 Oktober 2017.	P10
2.	Laporan Muar/012895/17	Laporan tangkapan yang dibuat oleh ASP Junaidi bin Juan pada 14 Oktober 2017.	P11
3.	Laporan Muar/012903/17	Laporan pembetulan yang dibuat oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 14 Oktober 2017.	P12
4.	Laporan Muar/012902/17	Laporan rampasan pakaian tertuduh yang dibuat oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 14 Oktober 2017.	P13
5.	Laporan Muar/012907/17	Laporan rampasan beg silang tertuduh yang dibuat oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 14 Oktober 2017.	P14
6.	Serah Menyerah Cawangan Forensik	Akuan serah menyerah sampel untuk analisa DNA yang disediakan oleh pegawai forensik, ASP Amir bin Kaskon pada 14 Oktober 2017.	P15
7.	Borang Bongkar rampasan sebilah pisau	Borang bongkar rampasan sebilah pisau yang disediakan oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 14 Oktober 2017.	P16
8.	Borang Bongkar rampasan pakaian OKT	Borang bongkar seluar jeans, blaus, tudung dan kasut tertuduh yang disediakan oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 14 Oktober 2017.	P17

9.	Borang Bongkar rampasan beg OKT	Borang bongkar beg silang yang disediakan oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 14 Oktober 2017.	P18
10.	Laporan Pemeriksaan Tempat Kejadian	Laporan Pemeriksaan Tempat Kejadian nombor 509/17 yang disediakan oleh Pegawai Forensik, ASP Amir bin Kaskon.	P19
11.	Borang Pengendalian Spesimen Medikolegal	Borang Pengendalian Spesimen Medikolegal yang telah diambil semasa proses bedah siasat yang disediakan oleh Dr Haryanti Sara Azmeen bt Mohd Razali pada 15 Oktober 2017.	P20
12.	63 keping gambar post mortem	Gambar-gambar post mortem yang diambil oleh L/KPL 172066 Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor pada 15 Oktober 2017.	P21(1–63)
13.	26 keping gambar tempat kejadian	Gambar-gambar tempat kejadian yang diambil oleh L/KPL 172066 Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor pada 14 Oktober 2017.	P22(1–26)
14.	Dua keping gambar pakaian tertuduh yang dirampas	Gambar-gambar pakaian tertuduh yang dirampas yang diambil oleh L/KPL 172066 Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor pada 14 Oktober 2017.	P23(1–2)
15.	Salinan buku daftar barang kes	Salinan buku daftar stor barang kes bagi pendaftaran barang kes di stor barang kes oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail pada 31/12/2017.	P24
16.	Surat Kebenaran Mengambil Sampel Spesimen Darah & Kuku bagi Perbandingan DNA	Surat Kebenaran Mengambil Sampel Spesimen Darah dan Kuku bagi Perbandingan DNA milik tertuduh bertarikh 15 Oktober 2017.	P25

17.	Borang Permohonan Bagi Pemeriksaan Forensik/ Toksikologi	Borang Permohonan Bagi Pemeriksaan Forensik/Toksikologi bagi spesimen yang diambil dari Tertuduh yang disediakan Dr Khairul Anuar Jaffar pada 15 Oktober 2017.	P26
18.	Rajah Kasar	Rajah Kasar Tempat Kejadian yang disediakan oleh ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail.	P27

[5] Peruntukan s 172B(2)(i) Kanun Tatacara Jenayah menyebut:

172B Case management

(1) ...

(2) At the case management, the Magistrate, Sessions Court Judge or Judge shall —

(i) *take into consideration all matters that have been considered and agreed to by the accused and his advocate and the prosecution during the pre-trial conference;* and where a plea bargaining has been agreed between the accused and his advocate and the prosecution during the pre-trial conference, the Magistrate or the Sessions Court Judge or the Judge trying the case shall decide on the voluntariness of the accused in the plea bargaining according to the provisions of section 172C

[6] Frasa '(i) take into consideration all matters that have been considered and agreed to by the accused and his advocate and the prosecution during the pre-trial conference;' merujuk kepada perkara yang dipersetujui dalam persidangan pra bicara seperti yang diperuntukkan dalam s 172A Kanun yang sama.

[7] Seksyen 172A(4) dan (5) pula menyebut:

172A Pre-trial conference

(1) ...

(2) ...

(3) ...

(4) *During the pre-trial conference, an advocate representing an accused may discuss with the prosecution the following matters relating to the case*:

(a) *identifying the factual and legal issues*;

(b) *narrowing the issues of contention*;

A

(c) *clarifying each party's position*;

(d) ensuring the compliance with section 51A

(e) *discussing the nature of the case for the prosecution and defence, including any alibi defence that the accused may rely on*;

B

(f) discussing any plea bargaining, and reaching any possible agreement thereto; and

(g) *any other matters as may be agreed upon by the advocate representing the accused and the prosecution that may lead to the expeditious disposal of the case.*

C

(5) *All matters agreed upon in the pre-trial conference by the advocate and the prosecution shall be reduced into writing and signed by the accused, the advocate and the prosecution.*

D

[8] Ini termasuklah pengakuan terhadap fakta yang mana jika diakui oleh seseorang tertuduh, maka pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan fakta berkenaan. Ini telah diperuntukkan oleh s 73AA Akta Keterangan 1950 yang saya perturunkan untuk kemudahan rujukan:

E

73AA Admissibility of fact in criminal cases, etc

Notwithstanding anything contained in this Chapter and subject to the Criminal Procedure Code [Act 593], in any criminal proceedings, no fact whether oral or written need be proved which the parties to the proceedings have agreed to admit at the trial or which the parties to the proceedings have agreed to admit before the trial in writing.

F

[9] Secara prinsipnya sebarang pengakuan terhadap fakta oleh tertuduh sendiri (bukan oleh peguambela) adalah mengikat ke atas tertuduh sehingga ke peringkat rayuan. Tertuduh tidak boleh melarikan diri atau memohon agar pengakuan tersebut tidak dipakai ke atasnya pada bila-bila masa jika sudah dipersetujui. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab peguambela untuk menasihati anak guam sebelum pengakuan diberi.

G

[10] Pengecualian terhadap prinsip ini adalah apabila pengakuan bukan secara sukarela dan beberapa keadaan lain.

H

[11] Mahkamah Rayuan memberi beberapa pengecualian tersebut dalam kes *Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2014] 4 MLJ 875; [2014] 7 CLJ 897; [2014] MLRAU 284 (MR) dan memutuskan keadaan berikut adalah pengecualian kepada s 73AA Akta Keterangan iaitu:

I

(a) The judgment is based upon a wrong premise of fact or of law;

(b) There was insufficient judicial appreciation by the trial judge of the evidence of circumstances placed before her;

(c) The trial judge has completely overlooked the inherent probabilities of the case;

(d) That the course of events affirmed by the trial judge could not have occurred;

(e) The trial judge had made an unwarranted deduction based on faulty reasoning from admitted or established facts; or

(f) The trial judge had so fundamentally misdirected himself that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

[12] Saya telah meneliti kesemua perkara yang disebut dalam *Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v Public Prosecutor and another appeal* dan berpuas hati bahawa:

(a) tertuduh memahami fakta dan ekshibit yang dipersetujui dan mengakui kesemuanya;

(b) pengakuan tersebut adalah secara sukarela; dan

(c) tertuduh memahami kesan dan akibat pengakuan tersebut iaitu fakta tersebut tidak perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan mahkamah boleh bertindak diatasnya dan ia mengikat tertuduh sehingga ke peringkat yang paling tinggi.

BEBAN PIHAK PENDAKWAAN DIPENGHUJUNG KES PENDAKWAAN

[13] Seksyen 180(4) Kanun Tatacara Jenayah memberi maksud 'prima facie' sebagai:

> Bagi tujuan seksyen ini, suatu kes prima facie telah dibuat terhadap tertuduh di mana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor kesalahan yang jika tidak dipatahkan atau diterangkan akan wajarkan suatu sabitan.

[14] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, melalui penghakiman YA Hakim Augustine Paul, telah menyatakan:

> ... A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

[15] Ini bermaksud kesemua elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan pada peringkat prima facie sebelum mahkamah boleh memerentahkan tertuduh untuk memasukkan pembelaannya.

ELEMEN UNTUK PERTUDUHAN DIBAWAH S 302 KANUN KESEKSAAN

[16] Elemen yang perlu dibuktikan dalam kes ini adalah:

(a) seorang manusia bernama Mohd Firdaus bin Md Salehuddin (No KP: 890110–01–5033) telah meninggal dunia;

(b) Mohd Firdaus bin Md Salehuddin (No KP: 890110–01–5033) telah meninggal dunia akibat perbuatan atau tinggalan oleh tertuduh; dan

(c) tertuduh telah menyebabkan kematian Mohd Firdaus bin Md Salehuddin (No KP: 890110–01–5033) dengan salah satu perkara berikut:

(i) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;

(ii) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencara itu;

(iii) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian; atau

(iv) jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali bahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian, atau bencana sebagaimana tersebut.

Kejadian berlaku pada tarikh 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 petang bertempat di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sungai Abong, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor Darul Takzim.

KETERANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PIHAK PENDAKWAAN

[17] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen-elemen pertuduhan adalah seperti berikut.

Seorang manusia bernama Mohd Firdaus bin Md Salehuddin (No KP: 890110–01–5033) telah meninggal dunia

[18] Di dalam fakta yang diakui oleh tertuduh:

(a) si mati ialah Mohd Firdaus bin Md Sallehudin (No KP: 890110–01–5033);

(b) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, si mati berada di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar, Johor;

(c) si mati telah mengalami luka tusukan pisau di bahagian dada;

(d) bedah siasat ke atas si mati telah dijalankan oleh Dr Haryanti Sara Azmeen bt Mohd Razali pada 15 Oktober 2017;

(e) pngecaman mayat si mati telah dibuat oleh ayah si mati, Md Salehuddin bin A Aziz dan ibu si mati, Rohani bt Sari; dan

(f) punca kematian si mati ialah luka akibat tikaman/tusukan di dada ('stabbed wound to the chest').

[19] Oleh yang demikian saya dapati bahawa terdapat keterangan prima facie bahawa si mati Mohd Firdaus bin Md Sallehudin (No KP: 890110–01–5033) telah meninggal dunia akibat dari tikaman/tusukan di dada ('stabbed wound to the chest') dan ini berlaku pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, si mati berada di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar, Johor.

Mohd Firdaus bin Md Salehuddin (No KP: 890110–01–5033) telah meninggal dunia akibat perbuatan atau tinggalan oleh tertuduh

[20] Seterusnya tertuduh juga mengakui perkara berikut:

(a) si mati ialah Mohd Firdaus bin Md Sallehudin (No KP: 890110–01–5033);

(b) tertuduh merupakan isteri si mati;

(c) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, si mati berada di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar, Johor;

(d) rumah tersebut ialah rumah majikan si mati yang bernama Mahfud bin A Rajak (No KP: 700516–01–6715) dan semasa kejadian, penama Mahfud bin A Rajak juga berada di dalam rumah tersebut;

(e) tertuduh telah datang ke rumah tersebut dengan membawa pisau;

(f) si mati telah mengalami luka tusukan pisau di bahagian dada;

(g) Mahfud bin A Rajak telah menelefon polis untuk melaporkan kejadian dan meminta bantuan;

(h) laporan maklumat pertama kes telah dibuat oleh L/KPL 147841 Mohd Fairuz bin Mohd Hassim;

(i) tertuduh telah ditangkap di tempat kejadian pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 2 petang oleh ASP G/18862 Junaidi bin Juan;

(j) pegawai cawangan forensik, ASP Amir bin Kaskon telah sampai ke tempat kejadian pada jam 3.20 petang dan telah mengutip sampel;

(i) tikar getah tempat mayat terbaring;

(ii) sehelai baju *T-shirt* warna pink logo No 50;

(iii) sehelai seluar jeans biru jenama Lois saiz 31;

(iv) sehelai tuala warna putih bertulis Kurnia;

(v) swab darah atas tikar getah;

(vi) swab darah atas tikar getah;

(vii) satu pisau panjang 21cm termasuk hulu berwarna hitam;

(viii) swab pada hulu pisau,

dan seterusnya menyerahkan kesemua sampel kepada ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail;

(k) gambar tempat kejadian sebanyak 26 keping telah diambil oleh jurugambar polis, L/KPL 172066 Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor pada 14 Oktober 2017;

(l) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 3.45 petang di Pejabat Task Force JSJ IPD Muar, ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail telah membuat rampasan ke atas pakaian yang dipakai tertuduh iaitu sehelai seluar jeans jenama Levi's berwarna biru, sehelai baju blaus jenama Feifanai corak belang menegak warna merah/putih, sehelai tudung bercorak abstrak berwarna ungu/coklat cair dan sepasang kasut warna merah saiz 43;

(m) jurugambar polis L/Kpl Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor juga telah mengambil dua keping gambar pakaian tertuduh yang dirampas tersebut iaitu sehelai blaus, sehelai seluar jeans, sehelai tudung dan sepasang kasut;

(n) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 8.50 malam di Pejabat Task Force JSJ IPD Muar, tertuduh telah menyerahkan kepada ASP Mohd Ridzaudin bin Che Ismail sebuah beg silang jenama Santa Barbara;

(o) bedah siasat ke atas si mati telah dijalankan oleh Dr Haryanti Sara Azmeen bt Mohd Razali pada 15 Oktober 2017;

(p) pengecaman mayat si mati telah dibuat oleh ayah si mati, Md Salehuddin bin A Aziz dan ibu si mati, Rohani bt Sarif;

(q) sebanyak 63 keping gambar post mortem telah diambil oleh jurugambar polis, L/KPL Mohammad Hazwan bin Mohamad Noor; and

(r) punca kematian si mati ialah luka akibat tikaman/tusukan di dada ('stabbed wound to the chest').

[21] Keterangan daripada saksi-saksi yang memberi keterangan lisan secara bersumpah adalah:

(a) pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, SP6 telah masuk ke rumahnya di No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar Johor. Si mati ketika itu berada di dalam rumah setelah selesai mandi dan dalam keadaan memakai tuala;

(b) semasa SP6 sedang bersembang dengan si mati, tiba-tiba OKT telah datang ke rumah tersebut dengan membawa pisau yang telah dicamkan sebagai P7(E)(1). Si mati ketika itu berada berhampiran dengan pintu masuk manakala SP6 ketika itu berada di pintu bilik;

(c) SP6 telah masuk ke bilik untuk mendapatkan sesuatu untuk mempertahankan dirinya dan kemudian mendapati si mati telah ditikam dan OKT pula menghunuskan pisau ke arah SP6 dan berkata: 'Saya nak bunuh awak';

(d) SP6 telah menjerit dan telah menyuruh OKT membuangkan pisau. OKT telah berlari keluar membuang pisau. SP6 juga telah berlari keluar dan menelefon polis;

(e) SP4 telah menerima panggilan untuk respon kepada kes tersebut dan telah sampai di tempat kejadian pada 1.46 petang. Maklumat yang diterima oleh SP4 menyatakan bahawa kes ini merupakan isteri menikam suami. Oleh itu, SP4 telah berjumpa dengan OKT terlebih dahulu yang mengaku telah menikam si mati;

(f) oleh kerana pada masa itu polis belum sampai ke tempat kejadian, SP4 telah minta kakitangannya dan orang awam untuk menjaga OKT di luar rumah;

(g) SP4 telah masuk ke rumah bersama pembantu perawatan kesihatan. Apabila masuk ke rumah, SP4 telah nampak seorang lelaki terbaring di atas lantai di ruang tamu dalam keadaan hanya memakai tuala dan tiada orang lain di dalam rumah;

(h) SP4 dapat lihat satu luka koyakan di bahagian dada si mati;

(i) apabila SP2 dan SP5 masuk ke dalam rumah, mereka dapati OKT sedang memeluk si mati sambil menangis dan meminta maaf kepada si mati;

(j) SP2 telah keluar semula untuk melaporkan situasi dan pada masa itu, OKT telah mengambil pisau P7(D)(2) dan telah mengacukannya ke dadanya sendiri sambil berkata: 'Kalau abang tak bangun, saya akan ikut sekali';

(k) SP2 dan SP5 telah mengarahkan OKT untuk meletakkan pisau itu. Akhirnya OKT telah meletakkan pisau itu ke lantai dan SP2 telah mengambil pisau itu dan diletakkan di luar pintu;

(l) selepas itu sepasukan polis telah sampai dan membuat tangkapan ke atas OKT. Pihak polis juga telah membuat rampasan ke atas pisau yang digunakan; dan

(m) hasil bedah siasat yang dijalankan oleh SP3 ke atas si mati mendapati punca kematian si mati ialah kesan luka tikam di dada.

[22] Peguambela yang terpelajar menghujahkan bahawa:

(a) SP6 tidak melihat tertuduh menusuk/menikan si mati dengan pisau tersebut;

(b) di dalam pernyataan amaran tertuduh (exh D32) yang dimasukkan oleh pihak pembelaan, tertuduh mengakui tertikam si mati secara tak sengaja; dan

(c) walaupun terdapat keterangan dimana tertuduh telah membawa polis ke tempat dimana senjata pisau telah dijumpai, namun ia tidak boleh diertikan sebagai pengakuan tertuduh menikam dengan segara atau sebarang mens rea yang tersenarai dalam s 300 Kanun Keseksaan.

[23] Timbalan pendakwa raya terpelajar telah menghujahkan bahawa:

(a) keterangan SP4 yang memeriksa si mati mengesahkan ada melihat luka pada dada si mati dan tidak melihat luka lain;

(b) keterangan SP4 ini turut disokong oleh SP3 yang mengesahkan kecederaan yang dialami oleh si mati adalah luka di bahagian dada sepertimana yang dilaporkan di dalam laporan bedah siasat P28:

MARKS OF INJURY

1. A stabbed wound measuring non-opposed 2x1 cm and opposed 2x0.5 cm with depth 16.5 cm, located 1.5 cm from midline, 5 cm from the right nipple and 15 cm from the right midclavicular line, with hardened edges, slightly slanted with a blunt end at one side and sharp end the other and an undercut with surrounding bruise. The direction was backwards, downwards from right to left at 15º angle. The stabbed wound penetrating the skin, subcutaneous muscle, cutting the 6th and 7th cartilage of the right ribs (each measuring 3 cm in length), penetrating the right side of the pericardial sac (measuring 2x1 cm),

penetrating the anterior surface of the right ventricle and ends at the posterior wall of the right ventricle of the heart (through and through penetration with measurement of 2x0.5cm and 1x0.2 cm respectively). There was 575 milliter of blood and blood-clots collected in the right pleural cavity and 350 milliter of blood and blood-clots collected in the pericardial sac of the heart.

(c) SP3 menerangkan kecederaan ini semasa pemeriksaan utama seperti berikut:

Marks of injury yang saya dapati pada Si Mati, di mana diambil dari laporan post mortem yang dibuat, hasil pemeriksaan bedah siasat, saya dapati terdapat satu kesan luka tikam yang berukuran 2 x 1 cm, sekiranya dalam keadaan terbuka dan berukuran 2 x 0.5 cm dalam keadaan dirapatkan, dengan kedalaman berukuran 16.5 cm, berada di kedudukan 1.5 cm daripada tengah badan, 5 cm daripada puting dada kanan, dan 15 cm daripada line tengah atau bahagian tengah klavikular kanan. Kesan luka tikam ini terdapat sisi yang telah mengeras, dan ianya sedikit menyerong, dengan 1 hujung konsisten tumpul dan 1 hujung konsisten tajam dan terdapat kesan serong atau undercut dengan kesan lebam disekelilingnya. Luka tikam ini adalah ke belakang menuju ke bawah daripada arah kanan ke kiri dalam sudut 15 darjah. Ianya telah menembusi kulit, lapisan bawah kulit, dan seterusnya memotong tulang rawan, sangkar dada nombor 6 dan nombor 7 sebelah kanan, di mana keduanya dipotong berukuran 3 cm, seterusnya menembusi bahagian kanan lapisan luar jantung, berukuran x 1 cm menembusi bahagian hadapan ventrikel kanan jantung dan menembusi ke belakang ventrikel kanan jantung. Ukuran di bahagian hadapan ventrikel kanan adalah 2 x 0.5 cm dan ukuran di belakang ventrikel kanan jantung adalah 1 x 0.2 cm. Sebanyak 575 ml darah dan darah beku didapati di bahagian kaviti kanan dada dan sebanyak 350 ml darah dan darah beku didapati di dalam lapisan jantung yang mengelilingi jantung.

(d) selanjutnya SP3 telah mengesahkan bahawa kecederaan ini merupakan kecederaan yang mematikan (*fatal*) kerana kecederaan telah menyebabkan pendarahan yang banyak di bahagian dada dan di dalam kantung jantung;

(e) SP3 kemudiannya mengesahkan bahawa senjata yang menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati adalah senjata yang tajam dan mempunyai hujung yang tajam dan bukannya tumpul. SP3 mengesahkan telah ditunjukkan dengan gambar senjata dan pisau P7(E)(1) adalah pisau yang gambarnya ditunjukkan oleh SP7. SP3 mengesahkan bahawa pisau P7(E)(1) ini boleh menyebabkan kecederaan tersebut;

(f) SP3 juga mengesahkan pada ms 7 pernyataan bertulisnya PWS3 bahawa si mati tidak menghidapi apa-apa penyakit yang boleh membawa kepada kematiannya:

There were no underlying disease processes which had contributed to the death.

[24] Saya ambil maklum bahawa D32 adalah pernyataan beramaran tertuduh dan dalam D32, tertuduh menyatakan menikam si mati secara tidak sengaja.

[25] Saya menerima pihak pembelaan tidak mempertikaikan tertuduh telah menikam si mati dengan pisau dan mendapati dari keterangan:

(a) tiada sesiapa yang bersama si mati pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, di No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar Johor kecuali SP6 dan kemudiannya tertuduh;

(b) SP6 melihat tertuduh datang ke rumah tersebut dengan membawa sebilah pisau dan ini menyebabkan SP6 lari keluar dari rumah setelah diugut oleh tertuduh;

(c) semasa SP6 melarikan diri keluar rumah, si mati masih hidup dan dalam keadaan tidak ada sebarang kecederaan;

(d) bila SP6 masuk semula ke dalam rumah, SP6 dapati si mati terbaring di atas lantai, berlumuran darah dan si mati memegang pisau;

(e) tiada pemeriksaan balas bahawa SP6 menyebabkan kecederaan kepada si mati atau terlibat dalam menyebabkan kecederaan tersebut secara langsung atau sebaliknya;

(f) pada masa si mati terbaring, tertuduh memangku si mati seraya menangis dan memohon ampun;

(g) dalam D32, tertuduh mengaku menikam si mati (walaupun dikatakan tidak dengan segara);

(h) SP3 pakar forensic pathologi telah memberi keterangan bahawa kecederaan ini merupakan kecederaan yang mematikan (*fatal*) kerana kecederaan telah menyebabkan pendarahan yang banyak di bahagian dada dan di dalam kantung jantung;

(i) SP3 kemudiannya mengesahkan bahawa senjata yang menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati adalah senjata yang tajam dan mempunyai hujung yang tajam dan bukannya tumpul;

(j) SP3 mengesahkan telah ditunjukkan dengan gambar senjata dan pisau P7(E)(1) adalah pisau yang gambarnya ditunjukkan oleh SP7. SP3 mengesahkan bahawa pisau P7(E)(1) ini boleh menyebabkan kecederaan tersebut; dan

(k) SP3 juga mengesahkan pada ms 7 pernyataan bertulisnya PWS3 bahawa si mati tidak menghidapi apa-apa penyakit yang boleh membawa kepada kematiannya.

[26] Peguambela yang terpelajar telah menghujahkan bahawa tertuduh tiada sebarang niat untuk menyebabkan kematian si mati. Peguambela terpelajar bersandarkan D32 pernyataan amaran tertuduh yang dikemukakan oleh pihak pembelaan.

[27] Walaupun peguambela terpelajar mencabar keterangan pendakwaan tiada bukti pelakuan tertuduh yang menyebabkan kecederaan yang mengakibatkan kematian si mati, namun pihak pembelaan sendiri menggunakan D32 yang mana tertuduh mengaku menyebabkan kecederaan yang mengakibatkan kematian si mati. Pihak pembelaan tidak boleh mengambil pendirian yang saling bercanggah antara satu sama lain.

[28] Ini dinamakan 'approbate and reprobate'. Ini seumpama mengakui hari sudah siang tetapi matahari belum terbit. Pelakuan ini tidak terpatuk dek ayam dan tidak tersudu dek itik.

[29] Dalam bahasa mudah ia dinamakan 'blowing hot and cold at the same time'.

[30] Ini bertentangan dengan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Development & Commercial Bank Bhd v Aspatra Corp Sdn Bhd & Anor and another appeal* [1995] 3 MLJ 472; [1996] 1 CLJ 141 dimana YA Hakim Peh Swee Chin menyatakan:

> *A person cannot approbate and reprobate so that if a person becomes aware of an irregularity of service and then subsequently takes a further step in the action which could be only useful if the service had been good, the said irregularity is waived*. See also *Rein v Stein* [1892] 60 LT 469, 471; *Boyle v Sacker* [1889] 39 Ch D 249 (CA). We are in entire agreement with the decision in *Fry & Moore*. The second defendant had asked for leave to file an appearance and to file a statement of defence, clearly indicating that he wanted to go into the fray in full swing and that the matter of irregular service was a matter of the past; no longer an issue.

[31] Rujukan dibuat dalam kes *Kelana Megah Development Sdn Bhd v Kerajaan Negeri Johor and another appeal* [2016] MLJU 1649; [2016] 8 CLJ 804 dimana YA Hakim Idrus Harun, memutuskan seperti berikut:

> [20] ... The appellant's conduct, as it were, could thus be properly described as blowing hot and cold that while the appellant approved the acquisitions they also rejected it. The appellant is not permitted to approbate and reprobate on the issue of the acquisition of the seven plots of land.

[32] Dalam kes *Bato Bagi & Ors v Kerajaan Negeri Sarawak and another appeal* [2011] 6 MLJ 297; [2011] 8 CLJ 766 dimana Mahkamah Persekutuan menyatakan persetujuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan di England iaitu *Verschures Creameries, Limited v Hull and Netherlands Steamship Company, Limited* [1921] 2 KB 608 dimana Lord Justice Scrutton menyatakan:

> *A plaintiff is not permitted to 'approbate and reprobate'. The phrase is apparently borrowed from the Scotch law, where it is used to express the principle embodied in our doctrine of election — namely, that no party can accept and reject the same instrument*: *Ker v Wauchope (1); Douglas-Menzies v Umphelby (2)*. The doctrine of election is not however confined to instruments. A person cannot say at one time that a transaction is valid and thereby obtain some advantage, to which he could only be entitled on the footing that it is valid, and then turn round and say it is void for the purpose of securing some other advantage. That is to approbate and reprobate the transaction. (Penekanan ditambah.)

[33] Selanjutnya dalam *Cheah Theam Kheng v City Centre Sdn Bhd (in liquidation) and other appeals* [2012] 1 MLJ 761; [2012] 2 CLJ 16, sekali lagi Mahkamah Persekutuan menyatakan persetujuan dan memetik keputusan Mahkamah Rayuan Inggeris iaitu *Express Newspapers plc v News (UK) Ltd and others* [1990] 3 All ER 376 dimana dinyatakan:

> *In the words of Sir Nicolas Browne-Wilkinson VC in Express Newspapers plc v News (UK) Ltd and others* [1990] 3 All ER 376*, at pp 383–384:*
>
> > *There is a principle of law of general application that it is not possible to approbate and reprobate. That means you are not allowed to blow hot and cold in the attitude that you adopt. A man cannot adopt two inconsistent attitudes towards another: he must elect between them and, having elected to adopt one stance, cannot thereafter be permitted to go back and adopt an inconsistent stance*. (Penekanan ditambah.)

[34] Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Tenaga Nasional Bhd v Irham Niaga Sdn Bhd & Anor* [2011] 1 MLJ 752; [2011] 1 CLJ 491 juga boleh memberi beberapa ibrah kepada kita dan saya petik:

> *Estoppel by election is related to the principle that a person may not approbate and reprobate* (*Lissenden v Cav Bosch, Limited* [1940] AC 412 p 478; [1940] 1 All ER 425 at p 418 at p 429 (HL)). *Thus, a person having a choice between two courses of conduct is to be treated as having made an election from which he cannot resile. But the person will not be regarded as having so elected unless he has taken a benefit under or arising out of the course of conduct which he has first pursued and with which his subsequent conduct is inconsistent with his election* (*Banque Des Marchands De Moscou (Koupetschesky) v Kindersley and Another* [1951] Ch 112 at pp 119–120; [1950] 2 All ER 549 at p 552 (CA) *Ex Parte Robertson, In Re Morton* (1875) LR 20 Eq 733; and *Evans v Bartlam*) ...
>
> *If a person is entitled to one of two inconsistent rights, as opposed to having a choice between two alternative remedies* (*United Australia, Limited v Barclays Bank, Limited* [1941] AC 1 at p 29; [1940] 4 All ER 20 *at p 37 (HL)) and, with an open mind and*

with full knowledge he does an unequivocal act showing that he has chosen one, he cannot afterwards pursue the other (*Slough Estates Ltd v Slough Borough Council and another (No 2)* [1969] 2 Ch 305; [1969] 2 All ER 988 (CA)).

[35] Walaupun kesemua nas yang saya petik adalah kes sivil namun prinsip yang sama terpakai untuk kes jenayah. Persoalannya apakah pendirian pembelaan. Sama ada tertuduh ada melakukan pelakuan yang menyebabkan kecederaan yang mengakibatkan kematian si mati. Pihak pembelaan tidak boleh mengatakan tertuduh tidak melakukan perbuatan menyebabkan kecederaan yang mengakibatkan kematian si mati tetapi jika pun tertuduh melakukan pelakuan tersebut ia adalah tanpa niat.

[36] Pendirian yang boleh dinyatakan adalah tertuduh ada atau tidak ada melakukan perlakuan tersebut.

[37] Oleh yang demikian, apabila pihak pembelaan memilih untuk mengambil pendirian mengemukakan D32 (pernyataan amaran tertuduh) maka ia adalah mengambil pendirian pelakuan (actus reus) dilakukan oleh tertuduh tetapi tanpa mens rea.

[38] Saya berpuas hati bahawa terdapat keterangan prima facie bahawa tertuduh menyebabkan kecederaan yang membawa kepada kematian kepada si mati.

Tertuduh telah menyebabkan kematian Mohd Firdaus bin Md Salehuddin (No KP: 890110–01–5033) dengan salah satu perkara berikut

(a) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;

(b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencara itu;

(c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian; atau

(d) jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali bahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian, atau bencana sebagaimana tersebut.

[39] Sepertimana yang saya nyatakan tadi pelakuan menyebabkan kecenderaan yang memgakibatkat kematian si mati diakui.

[40] Dalam D32 juga, tertuduh menyatakan pelakuannya dilakukan tanpa niat. Oleh yang demikian, peguambela yang terpelajar berhujah bahawa tertuduh tidak sepatutnya diperintah membela diri untuk pertuduhan membunuh dibawah s 302 Kanun Keseksaan tetapi sepatutnya dibebaskan dan dilepaskan.

[41] Saya dibimbing oleh penghakiman yang bijaksana oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, dimana diputuskan:

> *A purely exculpatory or self-serving statement is not evidence of the facts stated although it may be admitted to show the reaction or attitude of the accused at the time he made it. In considering whether there was a case to answer, the trial Judge ought not to take into account such a statement as the basis for founding an order of acquittal and discharge.*

[42] Dalam kes *Public Prosecutor v Adetunji Adeleye Sule* [1993] 2 MLJ 70; [1993] 4 CLJ 173; [1993] 1 AMR 24; 1993 1 AMR 24 (MA) YA Hakim Edgar Joseph Jr bagi pihak Mahkamah Agung memutuskan:

> *In the same way, in a case where the onus lies on an accused to rebut a statutory presumption, a voluntary out of court statement by the accused — and this would include a cautioned statement — which is wholly exculpatory should not be made the foundation of an order of acquittal especially at the close of the case for the prosecution since, at that stage, the accused not having given evidence himself, his explanation could not be tested by cross-examination.*

[43] Dalam kes di Singapura *Public Prosecutor v Chan Kim Choi* [1989] 1 MLJ 404; [1988] 1 LNS 221 Hakim Coomaraswamy menjelaskan kedudukan pernyataan yang memihak kepada tertuduh seperti berikut (ms 413):

> *They are admissible on the ground, as the Privy Council has put it, that, 'common fairness requires that the entirety of the statement should be admitted so as to show the precise context in which the admission was made' ... What he says in order to exculpate himself cannot be admissible as the truth because it is selfserving and also because it is not necessarily consistent with other facts that may be established by the prosecution in the course of the trial.*

[44] Pernyataan yang memihak kepada sesorang tertuduh seperti yang ditunjukkan oleh pernyataan amaran D32 bukannya merupakan keterangan fakta-fakta yang dinyatakan walaupun ianya mungkin diakui sebagai menunjukkan reaksi atau sikap tertuduh pada waktu beliau membuatnya. Dalam menimbangkan samada terdapatnya suatu kes untuk dijawab, hakim perbicaraan tidak seharusnya mengambil kira pernyataan yang sedemikian sebagai dasar bagi mengasaskan sesuatu perintah pembebasan dan pelepasan.

[45] Oleh yang demikian, untuk membuat dapatan sama ada kes prima facie telah terbukti maka saya tidak boleh mengambil kira bahagian dalam pernyataan amaran yang condong kepada tertuduh namun ia oleh dipertimbangkan semasa kes pembelaan nanti.

[46] Saya mengambil kira keterangan yang dikemukakan seperti berikut:

(a) SP3 menerangkan kecederaan ini semasa pemeriksaan utama seperti berikut:

> *Marks of injury* yang saya dapati pada Si Mati, di mana diambil dari laporan post mortem yang dibuat, hasil pemeriksaan bedah siasat, saya dapati terdapat satu kesan luka tikam yang berukuran 2 x 1cm, sekiranya dalam keadaan terbuka dan berukuran 2 x 0.5cm dalam keadaan dirapatkan, dengan kedalaman berukuran 16.5cm, berada di kedudukan 1.5cm daripada tengah badan, 5cm daripada puting dada kanan, dan 15cm daripada line tengah atau bahagian tengah klavikular kanan. Kesan luka tikam ini terdapat sisi yang telah mengeras, dan ianya sedikit menyerong, dengan 1 hujung konsisten tumpul dan 1 hujung konsisten tajam dan terdapat kesan serong atau undercut dengan kesan lebam disekelilingnya. Luka tikam ini adalah ke belakang menuju ke bawah daripada arah kanan ke kiri dalam sudut 15 darjah. Ianya telah menembusi kulit, lapisan bawah kulit, dan seterusnya memotong tulang rawan, sangkar dada nombor 6 dan nombor 7 sebelah kanan, di mana keduanya dipotong berukuran 3cm, seterusnya menembusi bahagian kanan lapisan luar jantung, berukuran 2 x 1cm menembusi bahagian hadapan ventrikel kanan jantung dan menembusi ke belakang ventrikel kanan jantung. Ukuran di bahagian hadapan ventrikel kanan adalah 2 x 0.5cm dan ukuran di belakang ventrikel kanan jantung adalah 1 x 0.2cm. Sebanyak 575 ml darah dan darah beku didapati di bahagian kaviti kanan dada dan sebanyak 350ml darah dan darah beku didapati di dalam lapisan jantung yang mengelilingi jantung.

(b) selanjutnya SP3 telah mengesahkan bahawa kecederaan ini merupakan kecederaan yang mematikan (*fatal)* kerana kecederaan telah menyebabkan pendarahan yang banyak di bahagian dada dan di dalam kantung jantung;

(c) SP3 kemudiannya mengesahkan bahawa senjata yang menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati adalah senjata yang tajam dan mempunyai hujung yang tajam dan bukannya tumpul. SP3 mengesahkan telah ditunjukkan dengan gambar senjata dan pisau P7(E)(1) adalah pisau yang gambarnya ditunjukkan oleh SP7. SP3 mengesahkan bahawa pisau P7(E)(1) ini boleh menyebabkan kecederaan tersebut;

(d) SP3 juga mengesahkan pada ms 7 pernyataan bertulisnya PWS3 bahawa si mati tidak menghidapi apa-apa penyakit yang boleh membawa kepada kematiannya:

There were no underlying disease processes which had contributed to the death.

(e) tiada sesiapa yang bersama si mati pada 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 tengah hari, di No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sg Abong, Muar Johor kecuali SP6 dan kemudiannya tertuduh;

(f) SP6 melihat tertuduh datang ke rumah tersebut dengan membawa sebilah pisau dan ini menyebabkan SP6 lari keluar dari rumah setelah diugut oleh tertuduh;

(g) semasa SP6 melarikan diri keluar rumah, si mati masih hidup dan dalam keadaan tidak ada sebarang kecederaan; dan

(h) bila SP6 masuk semula ke dalam rumah, SP6 dapati si mati terbaring di atas lantai, berlumuran darah dan si mati memegang pisau.

[47] Pada pandangan saya, tertuduh datang ke rumah SP6 dengan membawa pisau untuk melakukan kecederaan atau ugutan kecederaan atau memang berniat mencederakan seseorang.

[48] Jika kita lihat bahagian (c) dan (d) s 300, ia tidak memerlukan sebarang niat untuk membunuh.

[49] Dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 di ms 176, YA Hakim Besar Malaya Raja Azlan Shah (DYMM Paduka Seri Sultan pada ketika itu) memutuskan:

> Section 299, Penal Code enacts that a person commits culpable homicide, if the act by which the death is caused is done: (a) with the intention to cause death; (b) with the intention of causing such bodily injury as is likely to cause death; (c) with the knowledge that ... the act is likely to cause death.
>
> *Section 300, Penal Code defines murder as follows. Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder, if the act by which the death is caused is done*: (1) with the intention of causing death; (2) with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused; (3) *with the intention of causing such bodily injury to any person, and ... is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; (4) with the knowledge that the act is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death.*
>
> The words which I have italicized show the marked differences between the two offences. Where there is an intention to kill, as in (a) and (1), the offence is always murder. *Where there is no intention to cause death or bodily injury, then (c) and (4) apply.* Whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. *If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder.* Illustration (d) of s 300, Penal Code is a case of this description. *Where the offender knows that the particular person injured is likely, either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to be*

killed by an injury which would not ordinarily cause death, it is murder. Illustration (b) of s 300, Penal Code is a good example. *The essence of (b) and (3) is this. It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder, if such injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. Illustration (c) given in s 300, Penal Code is an example. It is on a comparison of these two limbs of s 299 and s 300 that the decision of doubtful cases as the present must generally depend. The distinction is fine, but noticeable. In the last analysis, it is a question of degree of probability.*

[50] Peguambela yang terpelajar menghujahkan tahap risiko menentukan sama ada ia adalah membunuh dengan niat atau mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah dalam kesalahan membunuh orang.

[51] Oleh kerana tahap risiko adalah berkemungkinan saja menyebabkan kematian dan bukan berkemungkinan tinggi/besar menyebabkan kematian, maka pelakuan tertuduh bukanlah kesalahan membunuh tetapi mematikan orang secara salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh.

[52] Tambahan pula ia bukan disengajakan seperti yang dinyatakan dalam D32.

[53] Saya mengambil maklum hujahan peguambela terpelajar bahawa terdapat percanggahan dalam keterangan SP6 iaitu:

> Masa Hidayah masuk saya tak nampak. Masa itu saya berada 1 meter dari pintu masuk. Tak ada halangan di antara saya dan pintu. Saya boleh nampak pintu itu. Hidayah berada di belakang saya. Masa itu saya pusing hendak masuk ke dalam bilik. Masa itu Firdaus juga menghala ke dapur ... Masa itu saya belum masuk bilik ... Maksud saya masa Hidayah masuk, saya dan Firdaus tak nampak. Hidayah telah pergi ke depan Firdaus untuk menikam dia. Bila Hidayah pergi ke depan Firdaus, Firdaus masih tak nampak.
>
> Masa itu rumah tak main muzik dan tak buka TV dengan suara yang kuat. Rumah ada 2 pintu, 1 pintu grill dan 1 pintu kaca. Pintu kaca gelap. Bila pintu kaca dibuka bahagian dalaman rumah akan menjadi lebih cerah. Pintu grill masa dibuka akan berbunyi. Maksud saya Hidayah sudah buka pintu grill dan pintu kaca, saya masih tak nampak kerana saya sudah berpusing ke bilik. Saya tak pasti Firdaus sedar ke tidak. Bila Hidayah pergi ke depan Firdaus, saya masih tak nampak sebab saya nak masuk ke bilik. Saya tak pasti samada Firdaus masih tak nampak selepas Hidayah pergi ke depannya.
>
> Peguam OKT: Cerita kamu tidak boleh dipercayai ...
>
> Saya sudah pusing ke bilik, saya tak pasti saya nampak Hidayah tikam Firdaus. Saya tak pasti macam mana Firdaus boleh jadi tertikam dengan pisau. Pada hari kejadian, Hidayah masuk dengan pisau. Saya nampak dan meluru ke dalam bilik. Bilik itu adalah bilik di bahagian depan rumah. Saya tak nampak macam mana Firdaus boleh jadi tertikam kerana saya telah masuk bilik. Saya meluru ke dalam bilik untuk mengambil sesuatu. Saya hendak mengambil sesuatu untuk mempertahankan diri.

Bila saya keluar balik Firdaus sudah tertikam. Saya tak nampak Firdaus cuba menghalang Hidayah. Saya tak nampak kerana saya sudah masuk bilik.

[54] Semasa pemeriksaan semula, SP6 telah memberi keterangan berikut:

TPR: Mengapa bila ditanya saya, kamu kata kamu nampak Dayah menikam Firdaus, tetapi apabila ditanya oleh peguam, kamu kata tak nampak? Masa Dayah masuk saya tak nampak. Nampak masa Dayah huluskan pisau pada saya. Huluskan pisau lepas tikam Daus. Saya memang tak nampak Dayah menikam Daus. Saya kata Dayah tikam dia sebab pisau ada pada dia. Saya tahu dia ditikam kerana dia terbaring ... Saya nak ambil sesuatu kerana Dayah huluskan pisau pada saya.

[55] Setelah meneliti keterangan SP6, saya dapati percanggahan atau apa yang dikatakan percanggahan merupakan penceritaan yang tidak tersusun kerana soalan yang dikemukakan. Ia bukan satu pencanggahan keterangan dan tiada sebab untuk SP6 mereka cerita atau mempunyai motif untuk memfitnahkan tertuduh.

[56] Ia tidak menidakkan keterangan tertuduh datang ker rumah SP6, menghunus pisau dan berada bersama si mati (tanpa ada orang lain) dalam keadaan asalnya si mati sebelum kehadiran tertuduh adalah sihat walafiat tetapi mati ditikam bila bersama tertuduh.

[57] Saya telah teliti keterangan yang ada dan dapati:

(a) tertuduh sudah mencari si mati dari pasar dimana si mati bekerja;

(b) tertuduh sudah menunggu seratus meter dari rumah SP6 (majikan si mati) dengan andaian si mati akan bersembunyi di situ;

(c) tertuduh datang ke rumah SP6 bersenjatakan pisau terhunus;

(d) tertuduh telah mengguggut SP6 di rumah SP6 yang menyebabkan SP6 lari keluar rumah;

(e) bila SP6 masuk semula ke rumah, SP6 melihat si mati sudah ditikam di dada;

(f) keterangan SP6 adalah tertuduh menggugut untuk menikam SP6 juga;

(g) keterangan SP3 (pakar *forensic pathologist*) adalah kesan luka tikam ini terdapat sisi yang telah mengeras, dan ianya sedikit menyerong, dengan satu hujung konsisten tumpul dan 1 hujung konsisten tajam dan terdapat kesan serong atau undercut dengan kesan lebam disekelilingnya. Luka tikam ini adalah ke belakang menuju ke bawah daripada arah kanan ke kiri dalam sudut 15 darjah. Ianya telah menembusi kulit, lapisan bawah kulit, dan seterusnya memotong tulang rawan, sangkar dada nombor 6 dan nombor 7 sebelah kanan, di mana keduanya dipotong berukuran 3cm, seterusnya menembusi bahagian

kanan lapisan luar jantung, berukuran 2 x 1cm menembusi bahagian hadapan ventrikel kanan jantung dan menembusi ke belakang ventrikel kanan jantung. Ukuran di bahagian hadapan ventrikel kanan adalah 2 x 0.5cm dan ukuran di belakang ventrikel kanan jantung adalah 1 x 0.2cm. Sebanyak 575ml darah dan darah beku didapati di bahagian kaviti kanan dada dan sebanyak 350 ml darah dan darah beku didapati di dalam lapisan jantung yang mengelilingi jantung;

(h) untuk menusuk sehingga ke jantung, daya yang digunakan agak kuat kerana selain kulit ada banyak lapisan selaput yang keras yang berfungsi melindungi jantung. Untuk menembusi selaput-selaput ini memerlukan daya yang agak kuat;

(i) darah yang keluar dengan banyak menyebabkan 'hypovoelamic shock' iaitu kehilangan tekanan darah yang banyak menyebabkan kematian; dan

(j) dalam D32 tertuduh mengaku menikam si mati.

[58] Dalam kes *Tan Buck Tee v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 176; [1961] 1 LNS 130, YAA Hakim Besar Thompson memutuskan dalam ms 179:

> There was the body with five appalling wounds on it, wounds penetrating to the heart and liver, which must have been caused by violent blows with a heavy sharp instrument like an axe.
>
> In the absence of anything else, whoever inflicted those blows must have intended to kill the person on whom they were inflicted.

[59] Dalam kes *Public Prosecutor v Saizal Abidin bin Mading* [1997] MLJU 379; [1998] 3 CLJ 41, diputuskan:

> In the instant case there was hardly any dispute on the nature of the wounds sustained by the deceased, the number of wounds and the weapon used. From the evidence of PW3, the left ventricle of the heart and the right lung suffered the fatal blows which would not have allowed life to continue for more than ten minutes. The deep penetration of the three fatal wounds were the result of substantial force used according to PW3. It was the view of PW3 that such wounds were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.
>
> The surrounding circumstances too do not support the contention of the learned counsel for the accused on this issue of intention. Although initially the accused said that he did not know what he was holding during those crucial moments, such stand was demolished by him whilst under cross-examination. He admitted holding exh P16 at that time and he knew it was sharp at one end. And in re-examination the accused tried to repair the damage done. However, I have no hesitation to accept that he knew what he was holding moments before the stabbings took place. I find support from the evidence of PW4 and PW5. Both did not see the accused holding exh P16 as he came down. Obviously it was hidden from their view and probably from the deceased. And I have no reason not to believe PW4 and PW5. I found

them to be frank and direct in their answers. Further, there was no reason adduced that they would most likely lie against the accused. There was no grudge between them and the accused.

In my view the bulk of the argument of the learned counsel for the accused is on the absence of any motive for the accused to inflict such fatal injuries on the deceased. But motive is only a relevant fact, not an ingredient necessary to be established to convict a person of an offence; in this case, of murder. It has been said that 'it often happens that only the culprit himself knows what moved him to a certain course of action' (see: *Rajinder Kumar & Anor v State of Punjab* [1966] Cri LJ 960). Moreover, the accounts of PW4 and PW5 on how the accused executed the stabbings neutralised the urge to determine motive. PW4 and PW5 both gave a clear and similar version of how the accused came down from his place of work, approached the deceased and landed the fatal blows, not one but three on the chest. And both witnesses also said that as the deceased laid on the floor another strike came hitting him on the side. In my judgment such a reaction shows nothing less than to ensure that what was intended would be achieved. The attitude in causing the injuries as well as the injuries caused indicate the probability to cause death as opposed to only likely to cause death. I must say that the accused took a very high degree of risk to a human life, the life of the deceased.

[60] Mahkamah di dalam kes *Public Prosecutor v Arrunan a/l Arumugam* [2018] MLJU 1057 telah diputuskan:

There can be no dispute that a knife or a 'parang' is a weapon which can cause fatal injuries and therefore qualifies as a deadly weapon.

[61] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Abdul Samid bin Edward v Public Prosecutor* [2015] 4 MLJ 58:

[32] PW3's evidence was that there was a single chop wound to the neck of the deceased which had severed the vertebral artery. This was the direct cause of death. It was not necessary that there should be a series of injuries or stabbing inflicted to form a conclusion of intention to cause death. Even a single cut or stabbing cleverly executed (as was here) to a crucial organ or part of a body was sufficient to lead to an irresistible inference that serious injury leading to death was intended.

[62] Dalam D32, jelas tertuduh mencari si mati dan bukan SP6. Walau bagaimanapun SP6 juga diugut oleh tertuduh untuk dibunuh.

[63] Walaupun membawa pisau tidaklah secara automatic membawa inferens niat ingin membunuh, namun jika dilihat dari pelakuan lain seperti mencari si mati ditempat kerja, ugutan kepada SP6, sejarah lama di antara si mati dan tertuduh, inferens yang dinukil dengan mengambil kira isu tersebut dan semua yag lain, ialah si mati sememangnya berniat ingin membunuh semati atau sekurang-kurangnya mencederakan si mati yang membawa kepada kematian.

[64] Saya dapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie dalam elemen ini.

Kejadian berlaku pada tarikh 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 petang bertempat di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sungai Abong, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor Darul Takzim

[65] Di antara fakta yang diakui adalah kejadian berlaku pada tarikh 14 Oktober 2017 jam lebih kurang 1.30 petang bertempat di rumah beralamat No 130A, Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sungai Abong, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor Darul Takzim,

KEPUTUSAN DIPENGHUJUNG KES PENDAKWAAN

[66] Saya telah membuat penilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan serta pemeriksaan balas yang dikemukakan oleh pihak pembelaan, saya dapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh dan oleh yang demikian saya perentahkan tertuduh untuk memasukkan pembelaan.

[67] Tertuduh ada tiga pilihan iaitu:

(1) memberi keterangan bersumpah. Ini adalah pilihan untuk tertuduh dan tertuduh akan memberi keterangan dari kandang saksi secara bersumpah dan tertakluk kepada pemeriksaan balas;

(2) memberi keterangan dari kandang tertuduh secara tidak bersumpah dimana tiada pemeriksaan balas oleh sesiapa dibenarkan. Bagaimanapun keterangan ini, walaupun boleh diterima masuk, namun nilainya lebih rendah berbanding dengan pilihan (1); atau

(3) berdiam diri. Tertuduh berhak untuk berdiam diri tetapi kesemua tertuduh diminta ambil perhatian bahawa mahkamah tidak diberi peluang untuk mendengar versi tertuduh untuk tujuan pertimbangan.

[68] Saya mengingatkan jika tertuduh ingin memanggil mana-mana saksi, keterangan tertuduh akan didengar dahulu sebelum saksi lain didengar oleh mahkamah ini.

[69] Tertuduh memilih untuk memberi keterangan bersumpah.

KES PEMBELAAN

[70] Tertuduh telah menyediakan pernyataan bertulis yang ditandakan sebagai DWS1 dan keterangan tertuduh adalah seperti berikut:

A (a) si mati adalah arwah suaminya. Si mati bekerja dengan SP6 menjual ayam di Bangunan Astaka Pasar Besar Muar;

(b) tertuduh dibesarkan oleh keluarga angkat sejak lahir kerana ibu kandungnya tidak berkeupayaan untuk menjaga tertuduh kerana
B keupayaan mental yang rendah;

(c) tertuduh bersekolah sehingga Tingkatan 5 pada tahun 2016. Tertuduh berhenti sekolah kerana ingin berkahwin dengan si mati pada 30 April 2017. Si mati pada ketika itu berusia 28 tahun manakala tertuduh berusia 17 tahun;
C

(d) perkenalan antara tertuduh dan si mati ialah melalaui aplikasi Bee Talk dalam bulan Ogos 2016 semasa tertuduh bersekolah di Tingkatan 5;

(e) sewaktu perkahwinan tersebut tertuduh sudah mengandung dan usia kandungan adalah enam bulan;
D

(f) selepas berkahwin tertuduh dan si mati tinggal bersama ibu bapa angkat tertuduh di 95–1 Jalan Haji Lip, Batu 3, Parit Bunga, 84000 Tangkak, Johor;

E (g) tertuduh melahirkan anak perempuan pada 1 Mei 2017 tetapi bayi meninggal dunia kerana tidak cukup bulan;

(h) sejak peristiwa tersebut tertuduh mengalami gangguan emosi kerana kesedihan kehilangan anak. Tertuduh telah berjumpa dengan doktor di Wad Psikiatri di Hospital Muar dan telah diarahkan masuk wad tetapi
F tertuduh enggan berbuat demikian dan akhirnya kembali ke rumah;

(i) sejak kehilangan anak tersebut, berlaku perselisihan faham di antara tertuduh dan si mati dan si mati kerap balik ke rumah lewat malam dan pernah tidak balik selama dua hari. Alasan yang diberikan adalah si mati
G menolong majikan SP6 untuk membuat kerja tetapi si mati tidak mendapat gaji lebih;

(j) tertuduh selalu mencari si mati di rumah SP6 bila si mati tidak balik ke rumah. Tertuduh mengesyaki sesuatu yang pelik di antara SP6 dan si
H mati. Secara amnya hubungan tertuduh dan si mati adalah baik;

(k) waktu kerja si mati adalah jam 12.30 tengahari tetapi selepas kerja si mati bagi tahu tertuduh bahawa dia ingin membantu SP6 membuat kerja di rumah SP6 dan balik lewat malam dan pernah tidak balik selama dua
I hari;

(l) ini menjejaskan hubungan tertuduh dengan si mati;

(m) rumah SP6 adalah di No 130A Jalan Indah 6, Taman Pertama Indah, Sungai Abong, Muar;

(n) pada 12 Oktober 2017 tertuduh telah mencari si mati di Bangunan Astaka Pasar Besar Muar untuk memberi tahu mengenai kemalangan yang menimpa ibu kandungnya tetapi apa bila berbuat demikian, tertuduh telah ditertawakan oleh si mati dan SP6 dan ini menyebabkan kemarahan tertuduh;

(o) selepas si mati selesai bekerja, si mati telah melempang tertuduh dan bertengkar mulut dengan tertuduh. Akibat dari peristiwa ini, tertuduh telah membuang radio milik si mati ke dalam parit;

(p) pada 13 Oktober 2017, tertuduh telah menghantar si mati ke pasar besar untuk bekerja seperti biasa. Bila tertuduh mengambil si mati pada jam 12.30pm, tertuduh dimaklumkan oleh seorang wanita Cina bahawa si mati telah balik bersama SP6 dengan menaiki motorsikal. Tertuduh telah pergi ke rumah SP6 untuk mencari si mati tetapi dimaklumkan oleh SP6 bahawa si mati sudah balik ke rumahnya. Apabila tertuduh cuba menghubungi si mati melalui panggilan ke telefon bimbit namun gagal kerana masuk perakam suara sahaja. Tertuduh telah mengadu kepada ibu bapa angkatnya dan meminta mereka untuk menegur si mati. Si mati tidak balik ke rumah pada malam tersebut;

(q) pada 14 Oktober 2017, jam 5am. Tertuduh telah pergi ke rumah SP6 untuk mencari si mati. Kesemua kenderaan SP6 iaitu tiga buah motorsikal dan sebuah kereta. Tertuduh syak si mati ada di rumah tersebut. Pada jam 6.50am, tertuduh telah pergi semula ke rumah SP6 untuk memancit tayar motorsikal jenis Yamaha SS110 milik SP6 supaya motorsikal tersebut tidak boleh digunakan oleh si mati dan dengan ini tertuduh berharap agar si mati akan balik ke rumah. Tertuduh kemudian pergi membantu SD2 untuk berniaga di Tanjung Agas;

(r) jam lebih kurang 10am SD2 pergi ke Pasar Borong Astaka untuk mencari si mati dan SD2 berjaya berjumpa dengan si mati dan SD2 meminta si mati balik ke rumah. Tertuduh balik ke rumah untuk mandi dan tidur. Bila terjaga dari tidur, tertuduh terlintas untuk memberi amaran kepada SP6 dan mengambil pisau pemotong sayur di dapur dan memasukkan dalam begnya;

(s) jam 12.30pm tertuduh pergi ke Pasar Borong Astaka dan menunggu si mati di tempat letak motorsikal tetapi kemudiannya ternampak si mati melarikan diri dengan motorsikal milik SP6, tertuduh pergi ke rumah SP6 dan mengetuk pintu tetapi tiada jawapan. Motorsikal yang ditunggang oleh si mati masih panas lagi ekzosnya dan tertuduh telah menceroboh masuk ke dalam rumah SP6 namun tidak berjumpa dengan sesiapa pun. Tertuduh telah pergi ke rumah lain yang dimiliki oleh SP6 tetapi tidak berjumpa dengan si mati;

(t) tertuduh pun berpatah balik ke rumah SP6 dan menunggu di tempat agak jauh dari rumah tersebut. Bila menyedari SP6 balik rumah,

tertuduh telah menyorok diri dan memerhati dari jauh. Tertuduh telah melihat si mati membuka pintu rumah SP6 dan tertuduh telah meluru ke rumah SP6 dengan pisau yang terhunus. Tertuduh menolak daun pintu rumah SP6 dan mengacukan pisau ke arash SP6 dan SP6 cuba melarikan diri. Tertuduh mengejar SP6 dan tiba tiba si mati datang menghalang tertuduh dan tertuduh tertikam dada sebelah kanan si mati;

(u) tertuduh telah mencabut pisau dari dada si mati dan SP6 tetiba muncul dengan topi keledar dan cuba balingkan topi keledar ke arah tertuduh tetapi tidak berbuat demikian setelah melihat si mati dalam keadaan cedera. Si mati rebah ke lantai dan banyak darah yang keluar dari dada si mati. Tertuduh telah membuang pisau ke longkang dibelakang rumah SP6 atas arahan SP6 dan masuk semula untuk membantu si mati. Tertuduh telah memanggil ambulan;

(v) tujuan tertuduh adalah untuk menakutkan SP6 supaya tidak berpakat dengan si mati untuk tidak balik ke rumah tertuduh;

(w) tertuduh amat menyesal dengan perbuatannya dan meminta maaf dengan si mati kerana tidak sengaja. Tertuduh cuba membunuh diri dengan pisau yang ada di rumah SP6 tetapi gagal. Tertuduh ada memberitahu polis dan pembantu perubatan bahawa dia tidak sengaja menyebabkan kematian si mati;

(x) tertuduh telah menunjukkan kepada SP7 dimana dia membuang pisau tersebut dengan kata-kata 'Tuan, saya buang pisau yang saya guna untuk menikam si mati ke dalam longkang tepi rumah dan saya boleh tunjukkan'; dan

(y) tertuduh ada memberi pernyataan beramaran dan ia dalah benar kecuali dibahagian semasa berlari ke rumah SP6, tertuduh belum mengeluarkan pisau.

[71] SD2 adalah bapa angkat tertuduh sejak tertuduh masih kecil kerana tertuduh adalah anak tidak sah taraf. Ibu tertuduh adalah adik kepada isteri SD2. Ibu kandung tertuduh tidak ada keupayaan mental untuk menjaga tertuduh. Si mati pula adalah suami tertuduh dan selepas perkahwinan mereka tinggal di rumah SD2 di Parit Bunga. Si mati kerap tidak balik rumah selain balik lewat malam dengan alasan membuat kerja di rumah majikan. Si mati mendengar cakap SD2. Sehari sebelum kejadian, tertuduh mengadu, si mati tidak balik rumah dan SD2 pergi berjumpa dengan si mati dan meminta agar si mati balik ke rumah dan si mati bersetuju untuk balik ke rumah.

[72] Tiada saksi lain yang dipanggil.

PENILAIAN KETERANGAN DIPENGHUJUNG KES PEMBELAAN

[73] Secara amnya, keterangan pihak pendakwaan dan pembelaan adalah sama kecuali:

(a) tertuduh membawa pisau untuk memberi amaran kepada SP6 agar tidak mempengaruhi si mati untuk tidak balik ke rumah;

(b) bila sampai ke rumah SP6, tertuduh mengejar SP6 dengan pisau terhunus;

(c) semasa kejadian ini, si mati tetiba menghalang tertuduh dan ini menyebabkan tertuduh tertikam dada si mati dan menyebabkan kecederaan kepada si mati yang mengakibatkan kematiannya; dan

(d) tertuduh memberitahu polis dan pembantu perubatan yang tertuduh tidak sengaja untuk menikam si mati.

[74] Secara amnya pembelaan tertuduh adalah kemalangan atau kesilapan.

ISU-ISU YANG DITIMBULKAN DIPENGHUJUNG KES PEMBELAAN

[75] Terdapat berberapa isu untuk pembelaan:

(a) sama ada tertuduh mengalami tekanan jiwa kerana pelakuan si mati sehingga hilang kewarasan dan melakukan perbuatan menikam si mati;

(b) sama ada perbuatan tertuduh adalah satu kemalangan;

(c) sama ada terdapat niat untuk melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan yang kelazimannya membawa kepada kematian; dan

(d) sama ada niat sebenar adalah untuk melakukan perbuatan untuk menyebabkan kecederaan yang kelazimannya boleh mengakibatkan kematian kepada SP6 tetapi terkena kepada si mati kerana si mati menghalang perlakuan tertuduh.

[76] Saya akan bincangkan setiap isu yang ditimbulkan.

Sama ada tertuduh mengalami tekanan jiwa kerana pelakuan si mati sehingga hilang kewarasan dan melakukan perbuatan menikam si mati

[77] Walaupun isu ini bukan pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh namun untuk berlaku adil kepada tertuduh, mahkamah bicara hendaklah mempertimbangkan jika ada keterangan yang menjurus kepada perkara tersebut. Saya dapati dalam keterangan tertuduh bahawa:

A (a) perkahwinan di antara tertuduh dan si mati adalah kerana sudah terlanjur. Tertuduh sudah mengandung enam bulan bila melangsungkan perkahwinan dengan si mati;

(b) anak yang dilahirkan telah mati semasa lahir dan sejak itu tertuduh mengalami tekanan perasaan;

B

(c) tertuduh enggan dirawat di hospital dan kembali ke rumah mak angkatnya;

(d) hubungan si mati dan tertuduh jadi suram sejak kematian anak tersebut;

C

(e) si mati selalu balik lewat malam dan pernah tidak balik rumah sehingga dua hari;

(f) tertuduh terpaksa mencari si mati di rumah SP6 dan mengesyaki si mati bersembunyi di rumah SP6;

D

(g) tertuduh nampak si mati cuba melarikan diri pada hari kejadian bila tertuduh pergi ke Pasar Borong Astaka;

(h) tertuduh pernah dilempang oleh si mati dan ini menimbulkan pertengkaran mulut; dan

E

(i) tertuduh marah kepada si mati kerana pertengkaran ini dan membuang radio si mati ke dalam longkang.

[78] Kehilangan kewarasan (*unsoundness of the mind*) ada beberapa jenis:

F

(a) kehilangan kewarasan yang kekal;

(b) kehilangan kewarasan yang berkala; dan

(c) kehilangan kewarasan yang sementara.

G

[79] Untuk kehilangan kewarasan yang kekal, ia adalah suatu keadaan yang tetap dan tidak berubah. Semasa sesuatu pelakuan jenayah dilakukan seseorang tertuduh tidak mengetahui mengenai kesan perbuatannya dan perbuatannya adalah salah dari segi undang-undang. Bila dimaksudkan salah dari segi undang-undang, tidaklah bermakna seseroang tertuduh perlu mengetahui undang-undang tetapi ia bermaksud pada naluri insaniah, seseorang tertuduh mengetahui pelakuannya adalah satu yang tidak diterima oleh masyarakat dan ia adalah sesuatu yang buruk dipandangan manusia lain yang berhemah.

H

I

[80] Untuk kehilangan kewarasan yang berkala, ia berlaku bila keadaan tertentu wujud seperti bulan penuh atau tekanan perasaan atau keadaan yang menyebabkan tercetusnya kehilangan kewarasan tersebut. Semasa kehilangan kewarasan berlaku, seseorang tertuduh tidak mengetahui pelakuannya adalah salah dan tidak diterima oleh masyarakat.

[81] Untuk kehilangan kewarasan yang sementara, maka ia tercetus bila ada peristiwa yang membawa kepadanya seperti pengambilan bahan yang mengkhayalkan atau memabukkan dan ia boleh (mengikut peringkat atau tahap) menyebabkan hilangnya pertimbangan waras seseorang manusia. Jika penggunaan bahan khayal itu dilakukan secara sukarela atau atas pilihan sendiri, maka seseorang tertuduh bertanggungan dengan pelakuannya dan pembelaan hilang kewarasan tidak boleh dijadikan pembelaan (s 86 Kanun Keseksaan).

[82] Jika tertuduh dipaksa mengambil bahan yang mengkhayalkan atau memabukkan, maka undang-undang memberi beberapa keringanan tetapi bukan pelepasan mutlak.

[83] Saya telah meneliti beberapa nas dan di antaranya adalah *John a/k Nyumbei v Public Prosecutor* [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509, dimana dalam keterangan bersumpahnya perayu mengaku membunuh si mati dan memenggal kepala si mati, tetapi telah memplid pembelaan hilang akal di bawah s 84 Kanun Keseksaan. Bagi menyokong pembelaannya, perayu mengemukan keterangan melalui DW2, seorang pakar sakit jiwa, bahawa beliau mengalami penyakit 'acute psychotic disorder', iaitu bahawa beliau tidak berpijak di dunia nyata dan wujud kecelaruan pada pemikiran serta persepsi dan tingkah lakunya. Namun begitu, DW2, dalam memperakukan penyakit 'acute psychotic disorder', telah mengesahkan bahawa perayu tidak mengalami kelumpuhan fungsi kognitif yang total, masih boleh bertutur dengan baik dan telah menunjukkan tindak balas emosi yang sewajarnya apabila menerangkan tentang kejadian yang berlaku. Yang Arif hakim bicara, berdasarkan keterangan di hadapannya, mendapati perayu tidak terkecuali dari liabiliti jenayah, dan dengan itu telah mensabitkan perayu dengan kesalahan bunuh dan mejatuhkan hukuman mati ke atasnya. Perayu merayu dan berhujah bahawa dalam halkeadaan kes yang arif hakim bicara khilaf dalam menolak pembelaan hilang akalnya. Dihujahkan selanjutnya bahawa yang arif hakim gagal memberi penjelasan sewajarnya kepada pengapit-pengapit mengenai keterangan teknikal DW2, sekaligus menjejaskan keupayaan pihak terkemudian tersebut untuk menilai isu hilang akal sebagai suatu pembelaan. Mahkamah Rayuan memutuskan (dan disahkan oleh Mahkamah Persekutuan):

(1) There is a distinction between the notion of legal insanity and that of medical insanity. Not every form of insanity exempts a person from criminal liability. Only legal insanity under s 84 Penal Code provides that exemption. (para 13).

(1a) The specie of insanity addressed by s 84 is one that impairs the cognitive faculties of a person. Its nature and extent must be that as to make the offender incapable of knowing the nature of his act, or that what he is doing is wrong or contrary to law. The criminality of an act must thus be determined by this test in s 84 as distinguished from the medical test. (para 13)

(2) When the defence of insanity is raised, it is incumbent on the court to consider two matters, viz: (i) whether the accused person has established that at the time of committing the act he was of unsound mind; if so (ii) whether his unsoundness of mind was of a degree as to make him incapable of knowing the nature of his act as being wrong or against the law. In so doing, the court may also consider the circumstances which come after the crime. (paras 14 & 20).

(3) The total effect of DW2's opinion was that the appellant was not of unsound mind at the time he committed the offence. Indeed, the said expert's testimony showed that the appellant was capable of knowing the nature of his act as being against the law. In short, the appellant was not insane. Likewise, the appellant's act in disposing off the skull after severing the deceased's head showed a degree of guilt and an effort to avoid detection. (paras 19 & 20)

(Kes ini disahkan oleh Mahkamah Persekutuan)

[84] Prinsip perundangan yang kita boleh nukilkan adalah:

(a) terdapat perbezaan antara fahaman hilang akal di sisi undang-undang dan fahaman hilang akal mengikut kaedah perubatan. Tidak semua bentuk hilang akal boleh mengecualikan seseorang dari liabiliti jenayah. Pengecualian sedemikian hanya diberi oleh hilang akal di bawah s 84 Kanun Keseksaan;

(b) bentuk hilang akal yang diperkatakan s 84 adalah hilang akal yang melumpuhkan terus fakulti kesedaran seseorang. Sifat dan tahapnya hendaklah sebegitu rupa sehingga menyebabkan pesalah tidak mampu mengetahui tentang sifat perbuatannya, atau apa yang dibuatnya itu salah atau bertentangan dengan undang-undang. Kejenayahan sesuatu perbuatan dengan itu perlu ditentukan oleh ujian s 84 ini dan bukannya melalui ujian perubatan;

(c) apabila pembelaan hilang akal dibangkitkan, menjadi tanggungjawab mahkamah untuk mempertimbang dua perkara, iaitu: (i) sama ada tertuduh telah membuktikan bahawa ia hilang akal semasa melakukan perbuatannya; jika begitu; dan (ii) sama ada kehilangan akal tersebut sebegitu rupa sehingga tertuduh tidak berupaya mengetahui sifat perbuatannya yang salah atau menyalahi undang-undang. Dalam mempertimbang semua ini, mahkamah boleh mengambil kira hal-hal keadaan lepas jenayah yang berlaku;

(d) kesan menyeluruh pendapat DW2 adalah bahawa perayu bukanlah seorang yang hilang akal pada masa ia melakukan kesalahan. Malah, testimoni pakar ini menunjukkan bahawa perayu berupaya mengetahui sifat perbuatannya yang menyalahi undang-undang. Ringkasnya, perayu tidak hilang akal. Begitu juga, perbuatan perayu dalam membuang kepala si mati menunjuk kepada satu tahap kebersalahan dan merupakan satu usaha untuk mengelakkan penemuan; dan

(e) Yang Arif hakim bicara, dalam kesimpulannya kepada pengapit-pengapit, telah menerang dan mentakrif dengan sewajarnya undang-undang mengenai hilang akal. Yang Arif juga telah menerangkan dengan jelas beban bukti yang diperlukan dari perayu dalam membangkitkan pembelaannya tersebut. Selanjutnya, yang arif hakim telah menghurai keterangan DW2 kepada pengapit-pengapit dan mengarahkan mereka untuk menilai keterangan secara menyeluruh bagi menentukan sama ada pendakwaan telah membuktikan suatu kes di luar keraguan munasabah. Kesimpulan tersebut, dengan itu, dibuat dengan cara yang amat teliti dan tidak ada cacat celanya.

[85] Saya telah mendengar tertuduh dalam kes ini dan keterangan pendakwaan dan dapati:

(a) tertuduh berfikiran waras dan mampu mengetahui serta ingat peristiwa yang berlaku;

(b) tertuduh menyesal dengan perbuatannya apa tikaman ke atas dada si mati dibuat dan menangis serta meminta maaf kepada si mati; dan

(c) tertuduh mampu memberi pembelaan yang serious dan ia mewajarkan pertimbangan yang sepatutnya.

[86] Oleh yang demikian, saya dapati tertuduh tidak hilang kewarasan semasa kejadian dan saya ketepikan pembelaan ini sebagai sesuatu yang tidak berkemungkinan.

Sama ada perbuatan tertuduh adalah satu kemalangan

Sama ada terdapat niat untuk melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan yang kelazimannya membawa kepada kematian

[87] Adalah tidak dipertikaikan bahawa:

(a) hubungan si mati dan tertuduh merosot sejak kematian anak kandungannya tertuduh dan tertuduh telah mengalami gangguan emosi;

(b) pada hari kejadian tertuduh mencari si mati sejak dari hari sebelum kejadian kerana si mati tidak balik rumah;

(c) tetuduh telah memancitkan tayar motorsikal kepunyaan SP6 untuk menghalang si mati dari menggunakannya;

(d) tertuduh telah menunggu di pasar borong astaka iaitu tempat kerja si mati;

(e) tertuduh telah menceroboh ke rumah SP6 semata-mata untuk mencari si mati;

(f) tertuduh datang ke rumah SP6 dengan membawa pisau yang terhunus dan meluru ke rumah SP6 dan menolak daun pintu rumah tersebut apabila melihat si mati yang membuka pintu untuk SP6; dan

(g) SP3 memberi keterangan bahawa terdapat satu kesan luka tikam yang berukuran 2 x 1cm, sekiranya dalam keadaan terbuka dan berukuran 2 x 0.5cm dalam keadaan dirapatkan, dengan kedalaman berukuran 16.5cm, berada di kedudukan 15.5cm daripada tengah badan, 5cm daripada puting dada kanan, dan 15cm daripada line tengah atau bahagian tengah klavikular kanan. *Kesan luka tikam ini terdapat sisi yang telah mengeras, dan ianya sedikit menyerong*, dengan satu hujung konsisten tumpul dan satu hujung konsisten tajam dan terdapat kesan serong atau undercut dengan kesan lebam disekelilingnya. *Luka tikam ini adalah ke belakang menuju ke bawah daripada arah kanan ke kiri dalam sudut 15 darjah.* Ianya telah menembusi kulit, lapisan bawah kulit, dan seterusnya memotong tulang rawan, sangkar dada nombor 6 dan nombor 7 sebelah kanan, di mana keduanya dipotong berukuran 3cm, seterusnya menembusi bahagian kanan lapisan luar jantung, berukuran 2 x 1cm menembusi bahagian hadapan ventrikel kanan jantung dan menembusi ke belakang ventrikel kanan jantung. Ukuran di bahagian hadapan ventrikel kanan adalah 2 x 0.5cm dan ukuran di belakang ventrikel kanan jantung adalah 1 x 0.2cm. Sebanyak 575ml darah dan darah beku didapati di bahagian kaviti kanan dada dan sebanyak 350ml darah dan darah beku didapati di dalam lapisan jantung yang mengelilingi jantung';

(h) SP6 memberi keterangan bahawa dia telah keluar ke rumah semasa tertuduh masuk ke rumah setelah bersemuka dengan si mati; dan

(i) hanya si mati dan tertuduh saja yang berada didalam tempat kejadian.

[88] Saya tidak menerima keterangan tertuduh yang menyatakan niat tertuduh adalah untuk mengajar SP6 agar tidak mencampuri rumahtangganya dengan si mati. Ini adalah kerana:

(a) tertuduh sudah mencari dan mengekori si mati sejak hari sebelumnya;

(b) tertuduh telah memancit tayar motorsikal SP6 untuk menghalang si mati dari menggunakan motorsikal tersebut;

(c) tertuduh melihat si mati melarikan diri di pasar borong dan mencarinya di rumah SP6;

(d) tertuduh membawa pisau dan menghunus pisau tersebut semasa memasuk rumah SP6 untuk mencari si mati dan bukannya SP6;

(e) kemarahan tertuduh adalah apabila tertuduh gagal menjumpai si mati tetapi bila menunggu dikawasan yang agak jauh dari rumah SP6 melihat SP6 balik dan si mati yang berada di rumah tersebut dan membuka pintu untuk SP6; dan

(f) selama ini tertuduh memang mencurigai hubungan si mati dan SP6.

[89] Saya dapati bahawa tertuduh memang sengaja pergi ke rumah SP6 dengan pisau terhunus bukan untuk mencari SP6 tetapi mencari si mati dan kemarahan ini membuak buak bila melihat si mati membuka pintu untuk SP6 di tempat kejadian.

[90] Sasaran tertuduh bukannya SP6 tetapi si mati sendiri. Tangisan serta permintaan maaf tertuduh semasa si mati sudah cedera adalah kerana penyesalan perbuatannya dan bila tertuduh menyedari si mati mengalami kecederaan parah dan akhirnya menghembus nafas yang terakhir. Saya dapati tiada peristiwa mengejar SP6 tetapi peristiwa mengejar si mati. Ini adalah kerana tusukan pisau adalah bersudut 15 darjah sepertimana keterangan SP3 (pakar *forensic pathologi*) iaitu 'Kesan luka tikam ini terdapat sisi yang telah mengeras, dan ianya sedikit menyerong, dengan satu hujung konsisten tumpul dan satu hujung konsisten tajam dan terdapat kesan serong atau *undercut* dengan kesan lebam disekelilingnya. Luka tikam ini adalah ke belakang menuju ke bawah daripada arah kanan ke kiri dalam sudut 15 darjah. Ianya telah menembusi kulit, lapisan bawah kulit, dan seterusnya memotong tulang rawan, sangkar dada nombor 6 dan nombor 7 sebelah kanan, di mana keduanya dipotong berukuran 3cm, seterusnya menembusi bahagian kanan lapisan luar jantung, berukuran 2 x 1cm menembusi bahagian hadapan ventrikel kanan jantung dan menembusi ke belakang ventrikel kanan jantung. Ukuran di bahagian hadapan ventrikel kanan adalah 2 x 0.5cm dan ukuran di belakang ventrikel kanan jantung adalah 1 x 0.2cm. Sebanyak 575ml darah dan darah beku didapati di bahagian kaviti kanan dada dan sebanyak 350ml darah dan darah beku didapati di dalam lapisan jantung yang mengelilingi jantung'.

[91] Daya yang digunakan adalah kuat kerana dapatan SP3 adalah:

> Ianya telah menembusi kulit, lapisan bawah kulit, dan seterusnya memotong tulang rawan, sangkar dada nombor 6 dan nombor 7 sebelah kanan, di mana keduanya dipotong berukuran 3cm, seterusnya menembusi bahagian kanan lapisan luar jantung, berukuran 2 x 1cm menembusi bahagian hadapan ventrikel kanan jantung dan menembusi ke belakang ventrikel kanan jantung. Ukuran di bahagian hadapan ventrikel kanan adalah 2 x 0.5cm dan ukuran di belakang ventrikel kanan jantung adalah 1 x 0.2cm.

[92] Mahkamah di dalam kes *Public Prosecutor v Arrunan a/l*

Arumugam [2018] MLJU 1057 telah diputuskan:

> There can be no dispute that a knife or a 'parang' is a weapon which can cause fatal injuries and therefore qualifies as a deadly weapon.

[93] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Abdul Samid bin Edward v Public Prosecutor* [2015] 4 MLJ 58:

> [32] PW3's evidence was that there was a single chop wound to the neck of the deceased which had severed the vertebral artery. This was the direct cause of death. It was not necessary that there should be a series of injuries or stabbing inflicted to form a conclusion of intention to cause death. Even a single cut or stabbing cleverly executed (as was here) to a crucial organ or part of a body was sufficient to lead to an irresistible inference that serious injury leading to death was intended.

[94] Ini juga berlaku dalam kes ini.

Sama ada niat sebenar adalah untuk melakukan perbuatan untuk menyebabkan kecederaan yang kelazimannya boleh mengakibatkan kematian kepada SP6 tetapi terkena kepada si mati kerana si mati menghalang perlakuan tertuduh

[95] Ini adalah satu doktrin yang dinamakan 'Doctrine of Transferred Malice'.

[96] Mahkamah Rayuan dalam kes *Anne Lim Keng See v The New Staits Times Press (M) Bhd & Anor* [2008] 3 MLJ 492; [2008] 6 CLJ 697, dimana mahkamah membuat pemerhatian:

> What is malice? According to *Osborn's Concise Law Dictionary* (7th Ed) the word 'malice' means:
>
> > *Ill-will or evil motive: personal spite or ill-will is sometimes called actual malice, express malice, or malice in fact. In law an act is malicious if done intentionally without just cause or excuse. So long as a person believes in the truth of what he says and is not reckless, malice cannot be inferred from the fact that his belief is unreasonable, prejudiced or unfair* (*Horrocks v Lowe* [1972] 1 WLR 1625). *Malice in the law of tort is a constituent of malicious prosecution, defamation, malicious falsehood, and conspiracy. But an act otherwise legal is not made wrongful by an improper motive* (*Mayor of Bradford v Pickles* [1895] AC 587).

[97] Prinsip perundangan dalam kes *Carnes v Thompson* 48 SW2d 903 and *Bunyan v Jordan* (1937) 57 CLR 1 adalah sekiranya seseorang berniat melakukan sesuatu yang buruk atau memcederakan seseorang tetapi orang yang disasarkan tidak terkena dengan pelakuan pelaku tetapi pihak ketiga yang menerima akibat pelakuan tersebut, pelaku kesalahan tetap bertanggungan.

[98] Ini diperuntukkan dalam s 301 Kanun Keseksaan yang diperturunkan

seperti berikut:

> If a person, by doing anything which he intends or knows to be likely to cause death, commits culpable homicide by causing the death of any person whose death he neither intends nor knows himself to be likely to cause, the culpable homicide committed by the offender is of the description of which it would have been if he had caused the death of the person whose death he intended or knew himself to be likely to cause.

[99] Dalam buku *Halsbury's Laws of Malaysia* (Vol 11) para 190.014 bahawa:

> Where a person commits a criminal act intending a particular result but which has an outcome which was not intended but is still criminal, the person may be convicted of the latter crime if his act and his intention coincided. Thus, for example, if a person shoots at one person intending to kill him but misses and hits and kills another, he is guilty of the murder of that other person, unless his conduct comes within one of the statutory exceptions, in which case he would be guilty of culpable homicide. An unlawful and dangerous act directed at one person which kills another is culpable homicide, which could amount to the murder, of the other person.

[100] Rujukan juga dibuat kepada *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crime* (28th Ed, Vol 2, p 1905) Comment 1. Principle, menyatakan '... Coke calls it coupling the event with the intention and the end with the cause. If the killing take place in the course of doing an act which a person intends or knows to be likely to cause death, it ought to be treated as if the real intention of the killer had been actually carried out'.

[101] Saya telah meminta semua pihak untuk menghujahkan doktrin ini kerana saya dapati:

(a) mengikut pembelaan tertuduh, sasaran tertuduh adalah SP6 dan pisau adalah untuk memberi amaran kepada SP6; dan

(b) yang cedera dan kemudiannya meninggal dunia adalah si mati yang berada di tempat kejadian.

[102] Oleh kerana saya telah memutuskan bahawa tertuduh tidak berjaya menimbulkan keraguan atas mens rea seperti yang ditakrifkan dalam s 300 Kanun Keseksaan, isu doktrin perpindahan niat buruk tidak terpakai.

KESIMPULAN

[103] Saya dapati pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan saya dapati tertuduh bersalah diatas pertuduhan yang dikemukakan dan saya sabitkannya dibawah s 302 Kanun Keseksaan.

A HUKUMAN

[104] Saya telah meminta Tuan peguambela yang terpelajar untuk membuat rayuan peringanan dan Tuan timbalan pendakwa raya yang terpelajar untuk memberi hujahan balas.

B

[105] Persoalan yang timbul adalah sama ada rayuan peringanan adalah satu hak dan adakah hak ini perlu dikuatkuasakan dalam kes yang membawa hukuman mati mandatori.

C

[106] Dalam kes *Letitia Bosman v Public Prosecutor and other appeals (No 1)* [2020] 5 MLJ 277; [2020] 8 CLJ 147 Mahkamah Persekutuan memutuskan

D

The Fair Trial Point: Right To Mitigation

[122] Taking the first prong, as I understand learned counsel's argument, the mandatory death penalty violated the appellants' right to a fair trial because the effect of the mandatory death sentence is that the appellants were deprived of the right to mitigation. He argued that the right to be heard in mitigation is an integral part of the right to a fair trial. It was argued, the appellants were prevented from making any meaningful representations to the court on the appropriate sentence on the appropriate punishment.

E

[123] Now, all criminal trials should be conducted in accordance with the provisions of the CPC (see s 3). It is clear from the provisions in Chapter XX of the CPC that deals with the procedure in 'Trials Before the High Court' in s 178 to s 183 that sentencing process takes place after the conclusion of a trial that is upon the conviction of an accused person.

F

Section 182A provides for the procedure at the conclusion of a criminal trial. If the court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the court shall find the accused guilty and he may be convicted thereon (see s 182A(2)). Notably, the provision that immediately follows s 182A is s 183, which expressly provides that 'if the accused is convicted, the court shall pass sentence according to law'.

G

[124] *Sentencing is the final process in a criminal trial. A sentence is a final order disposing of a criminal case in court. It involves punishment, which is meted out by court to punish offenders. Those who are guilty will receive the prescribed punishment for their crime. Before the court passes sentence, a few steps are usually taken. Generally, the law does not fix a mandatory sentence for a certain offence. A maximum sentence is prescribed for the offence and the court is left to decide the appropriate sentence within the ambit of the punishment provision. In such a case, the accused will then makes a plea of mitigation, which is a submission to move the court to pass a lenient sentence. It bears noting that under the scheme of Chapter XX of CPC that governs the procedure of criminal trials in the High Court, there is no statutory requirement for mitigating factors to be considered by the court before it passes sentence according to law. Although there is no provision in the CPC for a plea in mitigation in High Court trials, nevertheless as a matter of fact, in practice it is quite common to allow a plea in mitigation before the*

H

I

court imposes sentence. After the accused has submitted the mitigation plea, the prosecution will submit the aggravating factors for the purpose of pressing for a heavy sentence.

[125] *In passing sentence, the court takes into consideration the mitigating and aggravating factors in order to ensure that the sentence is in accordance with the law. Passing a sentence according to law means the sentence imposed must not only be within the ambit of the sentence period stipulated but also assessed and passed according to established judicial principles (see Jafa Daud at p 316 of the judgment of Mohamed Azmi J).*

[126] It can be seen from the foregoing discussion that in a case where a law does not fix a mandatory sentence for a particular crime, a judge is given a broad discretion to determine the appropriate sentence for an offender. Both the defence and the prosecution assist the court by forwarding submissions pertaining to sentence. In such circumstances, a mitigation plea is a constituent element of the sentencing process (see *Zaidon bin Shariff v Public Prosecutor* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441). A plea in mitigation must be considered together with the aggravating factors so as to strike a balance in the scale of justice (see: *Raja Izzuddin Shah v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 270; [1978] 1 LNS 165, *Fu Foo Tong v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 448).

[127] However, one crucial point must be highlighted here. Earlier, at [58] I have expressed my opinion that Parliament has the legislative power to prescribe the punishment for an offence, including prescribing the mandatory death penalty. In a case where the death penalty is the only punishment entrenched in the legislation, the mitigation plea plays no role in the sentencing process because of the automatic nature of the mandatory death penalty prescribed thereunder. As correctly observed by *Mallal's Criminal Procedure* (6th Ed) (2001), at footnote 4, para 9279, 'Note however that where the accused is found guilty of an offence punishable with the mandatory death sentence, a plea in mitigation would serve no purpose'.

[128] In the context of our present appeals, the punishment prescribed by s 39B(2) of DDA and s 302 of the PC is as follows:

> 39B Trafficking in dangerous drugs
>
> (1)No person shall, on his own behalf or on behalf of any other person, whether or not such other person is in Malaysia — (a) traffic in a dangerous drug; (b) offer to traffic in a dangerous drug; or (c) do or offer to do an act preparatory to or for the purpose of trafficking in a dangerous drug.
>
> (2) *Any person who contravenes any of the provisions of subsection (1) shall be guilty of an offence against this Act and shall be punished on conviction with death.*
>
> *302 Punishment for murder*
>
> *Whoever commits murder shall be punished with death.*

[129] The wording of the impugned provisions is clear and unambiguous and 'shall' as used therein has an imperative sense. That is not disputed. Once the person to be punished has been convicted by the court, there is no power on the part of the court to impose a different or lesser sentence. Where the Legislature has by proper exercise

of its powers prescribed that for drug trafficking and murder offences, the offenders shall be punished with a mandatory death penalty, the duty of the court is to impose the legislatively prescribed punishment on offenders. The court has no choice but to impose the mandatory sentence provided by law as enacted by Parliament. There is no room to make the mandatory principle discretionary; otherwise it would amount to usurpation of constitutional powers of Parliament. The fact that the court has no alternative but to pass that sentence does not make the mandatory sentence unconstitutional. There is no denial of the equal protection of the law to the offenders. In this way, there is no denial of the right to a fair trial in a case of an offender that is deprived of a plea of mitigation before the court passes the mandatory death sentence.

[130] It will not be out of place, however, to mention here that in order to mitigate the mandatory sentence of death, there is provision for review by the Pardons Board and in suitable cases, death sentences are commuted to life imprisonment and even to lesser terms of imprisonment (see: *Yee Kim Seng* at p 254 of the judgment). In such a case, the factors advanced during sentencing, however, may be relevant for the purpose of pardon. The power of pardon provided for under art 42 of the FC is, however, a prerogative of mercy exclusively vested in the Yang di-Pertuan Agong or Ruler of any States in Malaysia (see *Sim Kie Chon v Superintendent Of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 MLJ 385; [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ Rep 293).

[131] If a mitigation plea constitutes a right to a fair trial that is guaranteed under cl (1) of art 5, we can take the discussion further by asking whether in a case where the accused is found guilty of an offence punishable with the mandatory sentence, can that right be taken away? As we have noted earlier at [120], this right enshrined in cl (1) of art 5 is not absolute and is subject to qualifications. The key to the issue herein lies in the phrase 'save in accordance with law'.

[132] The position in law on this matter is now well-settled. That the constitutional rights as guaranteed under cl (1) of art 5 can be taken away in accordance with law has been authoritatively established by a line of our authorities. In other words, a law that provides for the deprivation of a person's life or personal liberty is valid and binding as long as it is validly passed by Parliament. The leading authority now is the decision of Selangor Pilot Association. In that case, the issue the Privy Council had to decide was whether the restriction on the exercise of a pilot's rights given by the grant of a license amounted to a deprivation of property and in violation of art 13 of the FC which is headed 'rights to property' that reads as follows:

> (1) No person shall be deprived of property save in accordance with law.

[133] It is necessary to appreciate what that case concerns. The respondents were pilots under the Port Authorities Act 1963 ('PAA'). The pilots had been carrying out the business of providing piloting services within a certain area of Port Klang under the Merchant Shipping Ordinance 1952 ('the Ordinance'). The PAA was amended in 1972 adding two new ss 29A and 35A to the Ordinance. The effect of these new sections was to empower the port authority to declare an area as a pilotage area, in which event no person may act as a pilot in that area unless employed by the port authority. The Port Klang Authority declared Port Klang as a pilotage area. Some members of the association elected to work for the authority. But other members refused to work for the authority. They sued the Federal Government and the Port

Klang Authority claiming that the amendments to the PAA were unconstitutional as it deprived them of their right to property (goodwill and livelihood) and that they were therefore entitled to compensation. The appellant argued among others that the respondent had not been deprived of any property and that a distinction should be drawn between on the one hand a mere negative prohibition of property (the pilots could operate at lots elsewhere) and on the other hand actual taking of property (which had not happened here). The Privy Council allowed the appeal with a 4-1 majority (Lord Salmon dissenting). The Privy Council was of the view that the deprivation of the respondents of their property was in accordance with the law. Viscount Dilhorne (for the majority) said at pp 135–136 (MLJ):

> Their Lordships agree that a person may be deprived of his property by a mere negative or restrictive provision but it does not follow that such a provision, which leads to deprivation, also leads to compulsory acquisition or use. If in the present case the Association was in consequence of the amending Act deprived of property, there was no breach of art. 13(1) for that deprivation was in accordance with a law which it was within the competence of the Legislature to pass.

[134] Further, in *Sugumar Balakrishnan* the Federal Court stated emphatically that the constitutional rights as guaranteed under cl (1) of art 5 of the FC could be taken away in accordance with law. In that case, the constitutionality of s 59 of the Immigration Act 1959/1963 was challenged on the basis that the exclusion of the right to be heard in that provision, before the cancellation of respondent's entry permit, was unconstitutional as it was said to have infringed his right to livelihood. The Federal Court held that s 59 that removes the audi alteram partem rule, which was duly enacted by Parliament is valid and constitutional.

[135] Additionally, this approach has been clearly upheld in the Federal Court decision of Bird Dominic Jude where the apex court cast its mind to the issue as to whether there is a specific law authorising the deprivation of the applicant's personal liberties. In light of the express provision authorising the deprivation of the personal liberty as set out in s 56A of the Courts of Judicature Act 1964, the Federal Court refused to entertain the challenge to the provision on the ground of inconsistency with cl (1) of art 5.

[136] I have already expressed my view earlier that the legislative prescription of a mandatory death penalty is within the legislative power to enact. The impugned provisions are therefore valid and binding law passed by Parliament. Those provisions are specific and explicit laws that authorise automatic imposition of the death penalty if the accused person is convicted at the conclusion of the trial rendering the mitigation plea playing no role in the sentencing process. Therefore, the deprivation of the right to fair trial was in accordance with the law as the impugned provisions were duly enacted by Parliament. (Penekanan ditambah.)

[107] Saya telah meneliti alasan penghakiman Mahkamah Persekutuan ini dan mendapati ia tidak membincangkan kesan jika hak untuk didengar dalam rayuan tidak diberi.

[108] Mahkamah ini dalam kes *Taufik Goh bin Abdullah v Public*

Prosecutor [2021] MLJU 2709; [2022] 2 CLJ 967 memutuskan:

> [70] Assuming that for the sake of the arguments, that notwithstanding the absence of a statutory requirement, based on the rule of audi alteram partem, mitigation is a right and so a right cannot be cast into oblivion and it must not be denied from the appellant.
>
> [71] Hence it would follow that the learned magistrate would have erred in law when she passed sentence before the mitigation was heard. Then, it also follows that this court must set aside the sentence that was handed down by the learned magistrate.
>
> [72] Further if, for the sake of the arguments that I do so and having done that, I must now consider what is the suitable sentence to be passed. The mitigation put forward is that the appellant is married with six children and an aged mother and his wife to support. He asked for a lenient sentence. He pleaded guilty at first instance. He has heart ailments which were all treated in a Government hospital.

[109] Pada pandangan saya, rayuan peringanan adalah hak seseorang sekalipun untuk kes yang membawa hukuman mandatori. Akan timbul persoalan, mengapa perlu merayu bila hukuman adalah mandatori? Jawapannya adalah mahkamah hendaklah memberi hak ini dan merekodkan rayuannya supaya ia menjadi sebahagian rekod mahkamah bila kes ini dipanggil untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (untuk Wilayah Persekutuan), DYMM Sultan (untuk negeri-negeri yang mempunyai Sultan) dan TYT Yang di-Pertuan Negeri (untuk negeri-negeri yang tiada Sultan).

[110] Dalam Lembaga Pengampunan, semua perkara boleh dipertimbangkan dan Lembaga tersebut tidak terikat dengan keterangan atau undang-undang lain. Ia mempunyai kuasa mutlak dalam penentuan nasib seseorang banduan yang sudah dijatuhkan hukuman.

[111] Dalam kes *Mohd Khairul Azam bin Abdul Aziz v Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan & Anor* [2020] MLJU 1691; [2021] 1 CLJ 94 dimana YA Hakim Akhtar Tahir memutuskan:

> [47] However on matters of pardon where the YDPA acts on the advice of the Pardons Board and AG, this power is justiciable. The granting of pardon in Malaysia cannot be regarded as royal pardon unlike in country like England where the pardon by the monarch is not subject to any restrictions and given as a royal prerogative. The granting of pardon cannot be ruled as not justiciable just because it is exercised by the august and high office of the YDPA. It will be a dereliction of duty on the part of the court and a breach of the Federal Constitution to rule so.
>
> [48] In short, this court rules the granting of pardon by the YDPA is definitely justiciable.

[112] Dengan penoh hormat dan takzimnya saya berbeza pandangan dengan YA Hakim dalam kes *Mohd Khairul Azam bin Abdul Aziz v Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan & Anor* [2020] MLJU 1691; [2021] 1 CLJ 94 diatas sebab berikut:

(a) Malaysia mengamalkan Doktrin Ketertinggian Perlembagaan (*Doctrine of the Supremacy of the Constitution*). Ia diperuntukkan oleh perkara 4(1) Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia tidak terikat dengan sebarang doktrin yang tidak dinyatakan secara tersurat dalamnya. Sebegitu juga dengan Doktrin Struktur Asas Perlembagaan (*Doctrine of the Basic Structure of the Constitution*) tidak mengatasi Perlembagaan itu sendiri. Jika Doktrin Asas Perlembagaan ini menentukan tafsiran atau hala tuju pemahaman Perlembagaan bermaksud Doktrin Struktur Asas adalah paling tinggi dan ini menyalahi perkara 4(1) Perlembagaan Malaysia;

(b) pengampunan bukan penggunaan kuasa atau perlaksanaan kuasa. Ia adalah sesuatu keistimewaan yang diberi oleh Perlembagaan. Ia tidak tertakluk kepada sebarang peraturan sekalipun perkara 5 sehingga 13 kerana ia diperuntukkan dibawah perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Kuasa ini bukan kuasa yang timbul dari Perlembagaan semata-mata tetapi ia bertitik tolak dari kekuasaan kesultanan yang boleh menghukum dan mengampunkan sejak dari zaman kesultanan Melayu Melaka. Walaupun kuasa menghukum sudah diambil oleh Perlembagaan Persekutuan dan dikurniakan kepada Badan Kehakiman melalui proses kehakiman, namun kuasa mengampun dikekalkan bersama DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, DYMM Sultan-Sultan dan TYT Yang di-Pertuan Negeri. Ia bukan kuasa eksekutif yang tertakluk kepada semakan kehakiman. Saya bersetuju dengan YA Hakim Faiza Thamby Chik dalam kes *Juraimi bin Husin v Lembaga Pengampunan, Negeri Pahang & Ors* [2001] 3 MLJ 458; [2001] 6 CLJ 516 yang memutuskan:

> To my mind a sentence of death imposed by a court of law on the convicted plaintiff who has since exhausted his legal remedies will not be carried out only if His Royal Highness the Sultan of Pahang in accordance with art 15 Chapter II of the Constitution of the State of Pahang commutes the death sentence in exercise of the powers under art 42 of the Federal Constitution. That power is only exercisable by His Royal Highness the Sultan of Pahang. In my judgment the exercise of a royal prerogative of mercy by His Royal Highness the Sultan of Pahang cannot be varied or confirmed because there being no jurisdiction to do so. Therefore proceedings in court such as by the plaintiff in the Saman Pemula No R2-24–26 Tahun 2001 dated 4 May 2001 aimed at questioning the propriety or otherwise of such a decision by His Royal Highness the Sultan of Pahang is therefore not justiciable. By the same token a contention of any violations of fundamental rights which rests wholly on or dependent upon such an allegation is also not justiciable. In my

judgment the power of mercy is a high prerogative exercisable by His Royal Highness the Sultan of Pahang who acts with the greatest conscience and care and without fear of influence from any quarter (see *Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 MLJ 385; [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ Rep 293). In my judgment the court cannot adjudicate on the power of clemency of His Royal Highness the Sultan of Pahang otherwise it becomes an extra-curial retrial.

(c) membataskan kuasa pengampunan seolah olah ia kuasa eksekutif biasa bersalahan dengan semangat dan roh at tasyri' perkara 42 itu sendiri. Satu bahagian Perlembagaan tidak boleh dibaca secara berlawanan dengan bahagian yang lain seperti yang dinyatakan oleh kes *Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors* [1985] 2 MLJ 385; [1985] 2 CLJ 449; [1985] CLJ Rep 293 dimana YAA Hakim Besar (Malaya) Abdul Hamid memutuskan:

> In the present case though the Pardons Board tendered advice to the Yang Di Pertuan Agong but clearly Yang di-Pertuan Agong himself exercised the power in accordance with art 42(1) above read together with regulation 29 of the Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations, 1975. In our view such power is a power of high prerogative of mercy which is an executive act but by its very nature is not an act susceptible or amendable to judicial review (see *Council Of Civil Service Unions And Others v Minister For The Civil Service*). Basically it is an executive power of the nature described by Suffian, LP delivering the judgment of the court in *Public Prosecutor v Lim Hiang Seoh*. Sitting with four other judges, His Lordship said:
>
> > When considering whether to confirm, commute, remit or pardon, His Majesty does not sit as a court, is entitled to take into consideration matters which courts bound by the law of evidence cannot take into account, and decides each case on grounds of public policy; such decisions are a matter solely for the executive. We cannot confirm or vary them; we have no jurisdiction to do so. The royal prerogative of mercy, as is recognised by its inclusion in Chapter 3 of Part IV of the Constitution, is an executive power as in Jamaica, *Hinds v The Queen*.
>
> (See also *G Kista Gowd and another v State of Andhra Pradesh*).
>
> We hasten to add that we subscribe to what had been in *Michael De Freitas v George Famoutgar Benny and others* (*De Freitas Case*) to the effect that 'Mercy is not the subject of legal rights. It begins where legal rights end'.
>
> In our judgment, a sentence of death imposed by a court of law on a convicted person who has since exhausted his legal remedies will not be carried out only if the Yang Di Pertuan Agong or the Ruler of a State or the Yang Di Pertuan Negeri, as the case may be, commutes the death sentence in exercise of the powers under art 42 of the Federal Constitution. If there is to be a stay of such sentence, the power to stay is only exercisable by the Yang Di Pertuan Agong or the Ruler of a State or the Yang Di pertuan Negeri, as the case may be.

[113] Dalam kes *Chiow Thiam Guan v Superintendent of Pudu Prison & The Government of Malaysia and Connected appeals* [1983] 2 MLJ 116; [1983] 1 CLJ 278; [1983] CLJ Rep 92 diputuskan: A

> Courts are indeed without jurisdiction to deal with this sort of application for the reason so neatly set out in the *De Freitas* case — 'Mercy is not the subject of legal rights. It begins where legal rights end'. Any stay of execution would be only an extension of the prerogative of mercy, exercisable only an extension of the prerogative, exercisable only by his Majesty The Yang di-Pertuan Agong in accordance with art 42 of the Constitution. B
>
> In the present case the appellant's right ends after his appeal was dismissed by the Supreme Court and the death sentence confirmed. Mercy begins but mercy is not a legal right. In the case of *Chiow Thiam Guan v Superintendent of Pudu Prison and the Government of Malaysi*a, it was held that a decision made pursuant to an exercise of a royal prerogative of mercy cannot be varied or confirmed there being no jurisdiction to do so. In our judgment proceedings in court aimed at questioning the propriety or otherwise of such a decision are therefore not justiciable. By the same token a contention of any violation of the fundamental right which rests wholly on or dependent upon such an allegation is also not justiciable. It is our considered view that the power of mercy is a high prerogative exercisable by the Yang di-Pertuan Agong or the Ruler of a State or the Yang di-Pertuan Negeri, as the case may be, who acts with the greatest conscience and care and without fear of influence from any quarter (see *Hanratty and another v Lord Butler of Saffron Walden*). C D E

[114] Dalam kes *Superintendent of Pudu Prison & Ors v Sim Kie Chon* [1986] 1 MLJ 494 di ms 497; [1986] 1 CLJ 548; [1986] CLJ Rep 256 di ms 552–553, YA Hakim Eusoffe Abdoolcader menyatakan: F

> The respondent by these proceedings is in our view in effect attempting to circuitously challenge the exercise by His Majesty of his powers of clemency in this case under art 42 of the Constitution which he is expressly precluded from doing by virtue of the provisions of art 32(1) of the Constitution which stipulate that His Majesty shall not be liable to any proceedings whatsoever in any court. The High Court of Australia in *Horwitz v Connor* held (at p 40) that no court has jurisdiction to review the discretion of the Governor in Council in the exercise of the prerogative of mercy, and a similar attitude toward the royal prerogative of mercy was adopted by the English Court of Appeal in *Hanratty v Lord Butler of Saffron Walden*. In relation to the question of the amenability of a prerogative power to judicial review we think that the enlightened approach is that this would be dependant on its nature or subject matter, and we find support for this view in the decision of the House of Lords in *Council of Civil Service Unions & Ors v Minister For The Civil Service* where Lord Scarman in his speech (at p 407) says that it can be said with confidence the exercise of a prerogative power is subject to review if the subject matter in respect of which it is exercised is justiciable, that is to say, if it is a matter upon which the court can adjudicate, and again in the speech of Lord Roskill (at p 418) where he refers to examples of prerogative powers which he did not think could properly be made the subject of judicial review, such as inter alia that relating G H I

to the prerogative of mercy, because their nature and subject matter as such as not to be amendable to the judicial process.

[115] Semasa hujahan peringanan Tuan peguambela yang terpelajar memberitahu mahkamah, banyak peristiwa yang menyayatkan hati dalam kehidupan tertuduh dan kematian anaknya yang sulong juga memberi kesan yang mendalam. Disamping itu tertuduh tidak pernah dibesarkan oleh ibu kandungnya sendiri. Arwah suami (si mati dalam kes ini) menjauhkan diri daripada tertuduh sejak kematian anak mereka dan ini memberi impak besar dari kestabilan jiwanya.

[116] Tuan timbalan pendakwa raya terpelajar memaklumkan kepada mahkamah bahawa semasa kejadia tertuduh berusia 17 tahun 11 bulan dan sepuluh hari dan oleh yang demikian, tertuduh adalah seorang kanak-kanak dibawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan s 97(1) Akta Kanak-Kanak 2001 tidak membenarkan hukuman mati dijatuhkan ke atas kanak-kanak. Saya memuji kejujuran dan sikap professional Tuan timbalan pendakwa raya terpelajar dalam mendedahkan perkara yang penting walaupun ia tidak dimaklumkan oleh peguam bela terpelajar.

[117] Seksyen 97 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan:

> 97 Hukuman mati
>
> (1) Hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah dia ialah seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan.
>
> (2) Sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh —
>
> (a) Yang di-Pertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau
>
> (b) Raja atau Yang di-Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu.
>
> Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2), orang itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini —
>
> (a) ditahan di penjara itu dan di bawah apa-apa syarat yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri; dan
>
> (b) semasa ditahan sedemikian, disifatkan berada dalam jagaan yang sah.
>
> Jika seseorang diperintahkan supaya ditahan di penjara di bawah subseksyen (2), Lembaga Hakim Pelawat bagi penjara itu —

(a) hendaklah mengkaji semula kes orang itu sekurang-kurangnya sekali setahun; dan

(b) boleh mengesyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri supaya orang itu dilepaskan awal atau ditahan lanjut,

dan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri boleh sesudah itu memerintahkan supaya dia dilepaskan atau ditahan lanjut, mengikut mana-mana yang berkenaan.

[118] Berdasarkan peruntukan se 97 Akta Kanak-kanak saya perentahkan agar tertuduh ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh DYMM Sultan Johor dan segala peruntukan s 97 terpakai untuk tertuduh.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Dzulqarnian Ab Fatar